

Khatijah Awang dan Seri Temenggong: Satu Kajian Kes Terhadap Keusahawanan Seni

Farok Zakaria

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Abstrak

Sebut sahaja nama Khatijah Awang (yang sering dipanggil Mak Jah), satu Malaysia mengenali beliau sebagai primadona Makyong. Ramai yang tidak mengetahui akan bakat beliau mengurus sebuah syarikat persembahan seni persembahan yang berdaftar. Mengambil peranan sebagai penggiat dan usahawan seni, Mak Jah telah bertungkus lumus menjalankan perniagaan seni persembahan warisan keluarganya secara lebih komersial.

Kebolehan mengurus beliau terbukti dengan perolehan pelbagai penaja bagi persembahan Makyong di tahun Sembilan puluhan. Walaupun memegang pelbagai tanggungjawab samada sebagai, ibu, anak, isteri dan juga primadona Makyong, kebolehan beliau untuk mengabungkan semua ahli keluarga untuk membuat persembahan yang komersial terbukti berjaya. Dari sekecil-kecil persembahan tarian bagi makan malam sehingga kepada persembahan diraja, Mak Jah telah Berjaya mengasah bakat anak-anaknya dalam perniagaan seni. Kertas kerja ini akan mengupas usaha Khatijah dalam mengurus sebuah perniagaan seni yang bercirikan kekeluargaan dalam menjadikan kelangsungan hidup Makyong.

1.0 Pengenalan

Khatijah Awang atau lebih dikenali sebagai Mak Jah adalah seorang pemegang anugerah seniman Negara pada tahun 2009 atas kegiatanya sebagai penggiat seni persembahan Makyong . Ramai orang tidak mengetahui tentang ketokohnya sebagai usahawan seni persembahan Makyong. Sepanjang hidupnya kumpulan budaya Seri Temenggong yang diterjuinya adalah sebuah kumpulan yang mengkomersialkan Makyong kepada penggemar industri teater tradisional.

Kumpulan seri Temenggong pada permulaannya adalah satu kumpulan kesenian yang tidak berorientasikan keuntungan dan hanya mempersembahkan pertunjukan secara percuma. Namun pada akhir tujuh puluhan dan awal lapan puluhan, setelah menyaksikan perubahan dalam dunia seni tanahair, sedikit demi sedikit orientasi Kumpulan tersebut telah bertukar wajah dari sebuah kumpulan seni yang tidak berpaksikan keuntangan kepada sebuah perniagaan seni. Kebolehan Mak Jah mengurus perniagaan seni yang berteraskan keluarga itu amat ketara pada tahun Sembilan puluhan sehingga beliau menutup mata pada tahun 2000.

Produk yang diketengahkan oleh Kumpulan Seri Temenggong (ST) adalah persembahan seni tradisi yang terdiri daripada persembahan Makyong, tarian, taridra dan muzik tradisional. Dengan hanya pertolongan daripada kaum keluarga yang berada disekitarnya yang terdiri daripada suami, anak, cucu dan saudara mara, beliau telah dapat mendaftarkan perniagaan seninya pada tahun 1996 dan telah Berjaya mendapat sponsor dan keuntungan yang agak besar pada akhir tahun Sembilan puluhan.

Penubuhan Seri Temenggong pada awalnya adalah sebagai sebuah kumpulan kesenian yang dianggotai oleh anak beranak serta sahabat handai telah bertukar menjadi lebih komersial pada akhir tahun lapan puluhan. Justeru, jika diperhatikan, adalah munasabah kalau dikaitkan kaedah pengurusan Seri Temenggong dengan kaedah pengurusan sebuah perniagaan yang dikendalikan oleh keluarga yang dilaksanakan secara lebih kolektif tetapi berpaksikan emosi dan rasa kecintaan kepada kumpulan itu.

Kini, Mak Jah sudah lama meninggal dunia (2000) dan kewujudan kumpulan itu tetap utuh dipersadakan industry seni persembahan Makyong tanahair . Pada masa kertas kerja ini ditulis, kumpulan itu diterajui oleh pewaris MakJah iaitu anak perempuan bongsunya Norhayati. Sebagaimana ibunya, Ti juga mempunyai kecenderoran yang sama iaitu mengurus secara keluarga kumpulan yang telah diwariskan kepada beliau.

2.0 Objektif kajian

Secara umumnya objektif kajian ini ialah untuk melihat kaedah pengurusan entiti keusahawanan yang telah diterajui oleh Khatijah Awang dalam mengkomersialkan seni.

Secara khususnya objektif kajian ini ialah seperti yang berikut:

- a. Membentangkan sejarah kehidupan Khatijah Awang
- b. Mengkaji penglibatan Khatijah Awang dalam bidang keusahawanan
- c. Mendokumentasi kaedah pengurusan syarikat milik Khatijah Awang.

3.0 Skop Kajian

Kajian ini berkisar kepada Khatijah Awang dan Kumpulan Seri Temenggung yang telah dikomersialkan melalui Syarikatnya Spektrum Inovas. Tempoh kajian ini ialah daripada tahun 1996 sehingga 2002.

4.0 Hasil Kajian

4.1 Latarbelakang Khatijah Awang.

Khatijah Awang atau lebih dikenali dengan panggilan mesra ‘Mak Jah’ merupakan primadona mak yong yang dilahirkan pada tahun 1941 di Lubuk Kawah Pasir Mas, Kelantan. Beliau berketurunan campuran Siam Melayu dan dilahirkan dalam keluarga seni yang menjalankan kegiatan persembahan Mak yong. Beliau telah melibatkan diri dalam persembahan mak yong sejak dari usia 14 tahun lagi. Pada usia tersebut juga, beliau telah berkahwin dengan Zakaria Abdullah yang merupakan anak kepada Che Kemala Che Muhamad (atau dikenali sebagai Cik Kemala Raja), primadona mak yong pada ketika itu. Khatijah mendapat pendidikan rendah di Sekolah Padang Garong sehingga lulus darjah enam.

Pada mulanya beliau bercita-cita untuk menjadi seorang guru. Tetapi nasib tidak menyebelahi beliau apabila permohonannya untuk menjadi guru ditolak atas sebab tidak mempunyai surat beranak dan sijil berhenti sekolah. Oleh kerana hasratnya untuk menjadi guru terbengkalai, beliau terus menceburi bidang kesenian. Penglibatan beliau dalam kesenian bermula sebagai penari istana pada tahun 1965. Beliau berguru dengan mertuanya sendiri Cik Kemala dan penggiat mak yong lain seperti Fatimah dan Zainab Raja (isteri Tengku Temenggung). Beliau mendalami ilmu kesenian mak yong secara praktikal dan intensif setiap hari selama tiga bulan. Darah seni yang telah sedia mengalir ditubuhnya menyebabkan beliau mahir bermain mak yong dalam jangkamasa yang singkat. Beliau berminat untuk menubuhkan satu kumpulan mak yong sendiri apabila terjadi satu peristiwa dimana satu kumpulan lain yang dijemput mengadakan pertunjukan di Kuala Lumpur pada awal tahun 1965 telah tidak mendapat sambutan penonton kerana ahli-ahlinya yang sudah agak berumur dan tua. Kejadian itu diakui oleh Krishen Jit (1986) dalam buku tulisannya. Bermula daripada kejadian tersebutlah beliau menyimpan hasrat dan semangat untuk menubuhkan sebuah kumpulan sendiri yang mengutarkan penari-penari yang cantik dan muda serta busana yang indah disamping persembahan yang lebih profesional. Berlandaskan kepada kesedaran, minat dan semangatnya untuk memastikan kesinambungan seni mak yong, beliau dengan sokongan suaminya telah menubuhkan Kumpulan Sri Temenggung pada tahun 1969.

Hasil perkongsian hidupnya dengan Zakaria ataupun panggilan mesranya ‘Pak Ya’, beliau telah dikurniakan dengan lima orang anak iaitu tiga perempuan dan dua lelaki (Norizan, Norashikin, Norhayati, Ezanin dan Azahar). Beliau juga telah dikurniakan dengan lebih daripada tujuh belas orang cucu. Kesemua anak dan cucunya, bergiat cergas dalam seni persembahan mak yong. Anak-anak dan cucu-cucunya inilah merupakan sebahagian dari ahli-ahli Kumpulan Sri Temenggung.

Khatijah Awang telah mengabdikan diri di dalam seni teater tradisional mak yong hampir 39 tahun. Penglibatannya dalam bidang seni bukan sahaja terhad kepada mak yong, malah beliau juga dapat menguasai pelbagai cabang seni seperti seni lakon, seni tari dan seni suara. Beliau pernah beraksi di kaca televisyen Malaysia sebagai pelakon drama dan penari. Beliau juga pernah berlakon dalam beberapa persembahan teater, antaranya ialah teater muzikal ‘Uda dan Dara’ pada tahun 1972. Manakala dari segi lakonan filem pula, beliau juga pernah terlibat dalam filem ‘Puteri’ arahan Rahim Razali. Penglibatannya dalam seni bukan sahaja sebagai pelakon atau penari, tetapi beliau juga menceburi bidang pengarahan teater dimana persembahan teaternya ‘Anak Nazar Tujuh Keramat’ pernah menjuarai Pesta Teater Kelantan 1994.

Selain daripada pengarahan, lakonan, tarian dan nyanyian beliau juga merupakan seorang pereka pakaian bagi seni persembahan mak yong. Kesemua pakaian yang digunakan untuk persembahan mak yong kumpulannya adalah rekaan dan jahitan beliau sendiri. Dalam mereka cipta pakaian mak yong, beliau lebih gemar menggabungkan unsur-unsur tradisional dan kontemporari dari segi rekaan dan penggunaan bahan fabrik.

Selain daripada mereka pakaian, beliau juga turut bertindak sebagai pereka tari. Kemahiran tersebut adalah sejajar dengan profesionnya sebagai penari. Lebih daripada dua puluh buah tarian yang boleh berdiri sendiri sebagai satu siri persembahan telah dicipta oleh beliau.

Selain daripada aktiviti kesenian, Khatijah juga terlibat dalam pelbagai aktiviti lain seperti politik, sukarela dan sebagainya. Namun begitu, penglibatan beliau di dalam bidang tersebut tidaklah begitu serius. Biasanya beliau cuma terlibat dalam mengasaskan sesuatu badan dan setelah sesuatu badan atau pertubuhan itu berjalan lancar, beliau akan mengundurkan diri. Ini kerana beliau lebih mengutamakan kegiatan kesenian dan terpaksa menumpukan lebih perhatian kepada karier seninya.

Beliau pernah menjadi setiausaha kaum Ibu UMNO⁴ (sekarang dikenali sebagai Pergerakan Wanita UMNO) bagi kawasan Padang Garong, Bendahari Belia 4B Kelantan, setiausaha Perkumpulan Perempuan Kelantan khususnya cawangan Langgar, dan ahli jawatankuasa penaja Persatuan Palang Merah Kelantan. Walau bagaimanapun, semua jawatan itu dilepaskan kerana rasa tanggungjawabnya terhadap seni lebih menebal dan mengatasi aktiviti lain.

Sepanjang penglibatan Khatijah dalam mak yong, beliau pernah menjadi jurulatih tarian tradisional Kelantan kepada para penari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ketika menetap di Kuala Lumpur. Selain itu, beliau juga pernah menjadi pengajar mak yong kepada kanak-kanak di Yayasan Seni pada tahun 1985.

Khatijah bersama kumpulannya telah mengadakan persembahan di merata tempat samada di dalam atau di luar negara, di antaranya persembahan 'Mak Yong Indera Dewa, Dewa Indera' di Bonn, German pada tahun lapan puluhan, 'Mak Yong Ramayana' di Indonesia pada tahun 1971 dan 'Anak Raja Setangkai Hati' di Singapura dalam tahun 1977. Beliau juga mengadakan persembahan di seluruh negara sejak tahun 1970 sehingga kini. Pada Ogos 1995 beliau telah dijemput oleh pihak Teater Kami Singapura untuk mengadakan persembahan mak yong bagi mengiringi persembahan teater yang bertajuk 'The Last Mak Yong'. Pada tahun 1996, beliau telah sekali lagi dijemput untuk mengadakan pertunjukkan 'Anak Raja Gondang' di Singapura oleh pihak Teater Kami Singapura.

Di dalam negeri pula, beliau telah acap kali mengadakan persembahan di Kuala Lumpur. Di antaranya ialah persembahan mak yong untuk Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong keenam, di Royal Lake Club, Dewan MATIC dan penampilan istimewa beliau untuk dramatari 'Kesucian' anjuran Panggung Negara. Beliau juga mengarahkan beberapa pertunjukkan mak yong anjuran ASK seperti 'Anak Raja Gondang Satu' pada tahun 1996 dan 'Anak Raja Gondang Dua' pada tahun 1997. Di samping itu beliau juga telah mengarah persembahan mak yong, kumpulannya sendiri iaitu 'Kejujuran' pada tahun 1997 dan 'Raja Bongsu Sakti' pada tahun 1998.

Selain daripada mengarah dan membuat persembahan, beliau juga giat mencurahkan ilmu kesenian mak yongnya dengan cara memberi syarahan dan tunjuk ajar kepada generasi muda khususnya pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan ASK. Memandangkan kepakarannya dalam persembahan mak yong, beliau telah dipilih oleh pihak Kementerian Kebudayaan

Kesenian dan Pelancongan untuk menjadi pensyarah tetap ASK pada tahun 1995 bagi mengembangkan ilmu yang ada padanya kepada generasi muda. Sebagaimana katanya dalam Utusan Malaysia (8 Februari 1988)

“Sebagai seni yang paling saya sayangi, saya tidak mahu melihat permainan mak yong tidak diwarisi oleh generasi muda sekarang. Saya menaruh harapan kepada mereka (anak-anaknya dan anak didikannya) untuk meneruskan perjuangan bagi mengembangkan permainan mak yong bagi mempertahankan kesenian dan kebudayaan yang sangat terkenal pada zaman dahulu dan masa kini”.

Oleh kerana sumbangannya yang begitu meluas dalam seni persembahan teater tradisi, beliau telah dianugerahkan beberapa pingat seperti PPN (1976), AK (1988) dan PB (1972). Pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha beliau dalam bidang kesenian bukan sahaja datang dari dalam negeri tetapi juga dari luar negara. Ini terbukti apabila beliau dikurniakan “Asean Awards On Culture Communication and Literary Works” dalam bidang seni persembahan pada 26 Ogos 1987 di Bangkok Thailand.

Walaupun berusia lima puluh lapan tahun pada waktu kajian ini dijalankan dan sering mengalami gangguan kesihatan kerana menghidap barah payu dara, beliau masih aktif memimpin kumpulannya bermain mak yong. Pengabdian dan pengorbanannya selama tiga puluh sembilan tahun dalam bidang mak yong masih belum berakhir, seperti apa yang ditulis oleh Ilmin Abdullah (Mingguan Watan 16 Oktober 1994):

“Sehingga kini, Khatijah Awang dan mak yong sudah sebatи, Khatijah Awang tidak pernah berundur. Mak yong juga telah mengalami imej baru di tangan beliau. Mak yong mendapat seri baru dan Khatijah Awang telah menyempurnakan bentuk mak yong sebagai satu bentuk teater yang konkret setanding dengan bentuk-bentuk teater Asia yang lain”.

Secara grafiknya, latarbelakang Khatijah Awang dapat disimpulkan di dalam gambarajah 1.0

Pengusaha Kumpulan Sri Temenggung



Menjadi penari mak yong Profesional



Berkahwin dengan orang seni dan
bermertuaikan primadona mak yong



Menjadi penari di Istana pada usia muda



Berasal daripada keluarga seni dan tidak
berpendidikan tinggi

Gambarajah 1.0: Latar belakang Mak Jah

4.2 KUMPULAN SRI TEMENGGUNG

4.2.1 Latar Belakang Sejarah Kumpulan Sri Temenggung

Sejarah Kumpulan Sri Temenggung bermula di Kelantan (sebelum bah besar merah)¹ sebelum tahun 1926 lagi dimana Tengku Ghaffar Temenggung, seorang putera Raja Kelantan memberi perhatian yang penuh kepada kegiatan kebudayaan di Negeri Kelantan. Dalam jangkamasa tahun 1878 sehingga 1926, pihak istana telah mewujudkan satu kampung yang terletak berhampiran dengan Istana Lama Kota Bharu yang dikenali sebagai Kampung Temenggung sebagai mengambil sempena nama pengasas kesenian mak yong Kelantan iaitu Tengku Temenggung Ghaffar. Kampung tersebut merupakan satu kampung yang khusus menjalankan kegiatan seni Melayu. Oleh yang demikian ia dianggap sebagai sebuah pusat kebudayaan Kelantan pada waktu itu. Menurut Siti Zainon Ismail (1985), oleh kerana perhatian Tengku Temenggung Ghaffar, seni Melayu telah diangkat sebagai kegiatan harian sejajar dengan pendidikan agama bersistem pondok yang juga terkenal di Kelantan pada waktu tersebut.

Penari mak yong, pemain muzik, dalang wayang kulit dan semua penggiat seni Melayu ditempatkan di Kampung Temenggung dengan tujuan untuk memartabatkan kesenian istana pada masa tersebut. Pada masa itu juga, pertunjukan seni seperti mak yong dan wayang kulit merupakan sebahagian daripada acara hiburan di istana. Di antara sebab lain pengiat seni ini ditempatkan di Kampung Temenggung ialah kerana khidmat mereka ini sentiasa diperlukan di istana untuk acara hiburan raja dan pembesar-pembesar ketika berlangsungnya sesuatu keramaian atau upacara.

Pada waktu kegemilangan Kampung Temenggung, kesemua anak seni yang ditempatkan di situ, dimestikan ke surau atau masjid sebelum turun ke pentas. Hari Jumaat merupakan hari yang terlarang dari membunyikan gendang atau meniup serunai. Pada waktu itu, Tengku Temenggung sendiri bertindak sebagai jurulatih seni dan pengurus kepada semua kegiatan kesenian Kampung Temenggung. Walau bagaimanapun, beliau sendiri tidak bertindak sebagai pemain.

Dari segi pemilikan, Kampung Temenggung adalah harta kepunyaan raja. Manakala dari segi pengurusan pula, kesemua penggiat seni yang tinggal di situ adalah di bawah tanggungan dan pengurusan istana. Pada waktu itu kumpulan penggiat seni Kampung

Temenggung merupakan satu institusi kebudayaan yang dimiliki dan dikawal oleh pemerintah iaitu Raja. Pada masa yang sama juga, sokongan yang padu daripada pihak raja dan pemerintah telah memberi laluan kepada seni Melayu untuk bergerak dan berkembang dengan lebih pesat. Kegemilangan pusat kebudayaan diraja Kampung Temenggung telah berakhir apabila Perang Dunia Kedua bermula. Huru-hara perang yang berlaku di negeri Kelantan telah menamatkan proses perkembangan Kampung Temenggung. Faktor-faktor kemerosotan ekonomi pada waktu tersebut dan kemangkatan Tengku Temenggung merupakan penyebab utama kepada kejatuhan dan pembubaran institusi kesenian yang dimiliki, diurus dan dikawal oleh raja serta istana. Bertolak dari situlah kawalan kesenian oleh institusi diraja dan istana mulai lenyap. Penggiat seni yang dahulunya tinggal di Kampung Temenggung di bawah naungan raja kembali ke kampung asal mereka dan mula mencari kehidupan sendiri dengan bekerja di sektor lain.

Selepas Tengku Temenggung mangkat, tidak ada pihak atau orang perseorangan yang cuba meneruskan usaha tersebut. Ketiadaan usaha ini berlarutan sehingga Zakaria Abdullah, seorang penggiat seni serta pegawai kerani di Pejabat Haiwan Kota Bharu menubuhkan satu kumpulan kesenian yang diberi nama Kumpulan Sri Temenggung. Faktor darah seni yang mengalir di dalam tubuh Zakaria Abdullah telah memaksa beliau menubuhkan kumpulan baru untuk menghidupkan semula seni yang kian dilupakan. Zakaria Abdullah merupakan pengasas kepada Kumpulan Sri Temenggung yang ditubuhkan pada tahun 1969 di bawah naungan Tan Sri Dato Nik Ahmad Kamil. Zakaria Abdullah memang dikenali dipelosok Kelantan bukan sahaja kerana beliau seorang penggiat seni malah beliau juga adalah Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri (setelah bertukar dari Pejabat Haiwan). Tambahan pula beliau adalah anak kepada Che Kemala yang merupakan primadona Mak Yong tersohor di Kelantan pada zaman Tengku Temenggung. Isteri kepada Zakaria iaitu Khatijah Awang juga merupakan pengasas bersama Kumpulan Sri Temenggung.

Penubuhan Kumpulan Sri Temenggung adalah kesinambungan kepada kumpulan yang dimiliki oleh ibu beliau iaitu Che Kemala. Mak Yong Che Kemala adalah di antara kumpulan yang terkenal sekitar tahun dua puluhan hingga empat puluhan. Oleh yang demikian, penubuhan satu kumpulan yang dimiliki oleh Zakaria sendiri merupakan satu tindakan menyambung usaha ibunya. Di samping itu, usaha murni tersebut juga dilihat sebagai satu cara untuk memulihara dan memelihara seni Melayu tanahair yang semakin pupus. Ghulam Sarwar (1976) menyatakan Kumpulan Sri Temenggung adalah kumpulan mak yong yang paling penting di Malaysia kerana hanya usaha tanpa jemu kumpulan tersebut sahajalah yang

menyelamatkan mak yong. Menurutnya lagi, Kumpulan Sri Temenggung merupakan satu-satunya kumpulan yang telah memulakan fasa baru dalam sejarah mak yong. Dengan tertubuhnya kumpulan ini, mak yong bertapak semula dan semakin mendapat perhatian umum setelah mengalami zaman kemerosotannya sejak penutupan Kampung Temenggung.

Pada dasarnya, penubuhan kumpulan ini memang diasaskan oleh Zakaria tetapi dari segi pengurusan dan kepimpinannya, ia dilakukan oleh Khatijah Awang sejak dari awal pernubuhannya lagi. Di samping itu, ahli keluarga mereka juga turut membantu dalam pengurusan dan perjalanan kumpulan tersebut. Pada awal penubuhannya, pusat operasi kumpulan tersebut ialah di Kota Bharu, Kelantan disamping mempunyai satu cawangan di Kuala Lumpur. Pada permulaannya, kumpulan tersebut beroperasi dengan lima puluh orang anggota iaitu dua puluh orang perempuan dan tiga puluh orang lelaki. Lama-kelamaan, anggota kumpulan tersebut semakin berkurangan kerana mereka ini hanya bergiat secara separuh masa. Sejak dari penubuhannya lagi, kebanyakan anggota Kumpulan Sri Temenggung adalah terdiri daripada kaum keluarga Zakaria dan Khatijah sendiri terutamanya penari dan pelakon. Hubungan kekeluargaan yang rapat dapat ditunjukkan melalui penyertaan bapa saudara, adik-beradik, sepupu, dua-pupu, ipar-duai, menantu, anak dan cucu dalam setiap persembahan yang diadakan. Tren pengambilan ahli keluarga dalam kumpulan tersebut masih diamalkan sehingga sekarang.

Dari segi bilangan anggota Kumpulan Sri Temenggung pula, ahli-ahlinya semakin berkurangan dan tidak tetap dari hari ke hari iaitu dalam lingkungan dua puluh hingga tiga puluh orang sahaja bagi satu persembahan. Walaupun ahli-ahli keluarga masih mendokong Kumpulan Sri Temenggung, tetapi bilangannya juga semakin mengecil. Sekiranya pada tahun tujuh puluhan dan lapan puluhan, penyertaan ahli keluarga adalah ramai dan memberangsangkan, namun kini ia hanyalah melibatkan ahli keluarga terdekat seperti seperti anak, cucu, menantu dan adik-beradik. Ahli keluarga yang jauh seperti sepupu dan dua pupu sudah tidak lagi terlibat dalam kumpulan tersebut. Ini kerana ahli keluarga sudah tidak berminat untuk bermain mak yong lagi ditambah pula dengan kesibukan kerja serta keluarga masing-masing.

Perkara tersebut telah menyebabkan berlakunya perubahan dari segi komposisi ahli kumpulan. Pada masa kajian ini dilakukan, kebanyakan daripada ahli kumpulan Sri Temenggung adalah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai hubungan persaudaraan.

Pada waktu penulisan tesis ini dijalankan pengasas kumpulan tersebut iaitu Zakaria Abdullah telah kembali ke rahmatullah pada bulan Ogos 1998. Usaha-usaha kumpulan ini tidak terhenti dengan ketiadaan beliau, malah ia menguatkan lagi semangat Khatijah² untuk meneruskan usaha murni tersebut.

Anak-anak beliau terutamanya anak perempuan seperti Norhayati, Norashikin dan Norizan memberi sokongan yang padu di dalam meneruskan perjuangan kumpulan tersebut. Ketika tesis ini ditulis, Khatijah masih bertindak sebagai pengurus kepada kumpulan tersebut, manakala anaknya Norhayati telah menggantikan tempat ayahnya sebagai setiausaha.

Walaupun Khatijah kehilangan suaminya dan terpaksa menguruskan Kumpulan Sri Temenggung bersama anak-anaknya, beliau terus mendapat sokongan padu daripada tokoh-tokoh seni Kelantan. Kumpulan tersebut telah mendapat khidmat nasihat dan kepakaran daripada penggiat seni selampit Kelantan, Shaari Abdullah. Selain daripada itu, Hamzah Awang Hamat³ yang merupakan tokoh seni wayang kulit tanahair juga memberi sokongan padu kepada Kumpulan Sri Temenggung terutamanya dari segi susunan muzik.

Kumpulan Sri Temenggung pada asalnya bergiat bersama dengan Badan Budaya Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan atas ilham Datuk Husain Ahmad yang pada ketika itu adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan. Sejak daripada awal penubuhannya sehingga sekarang, kumpulan tersebut masih berpengkalan di rumah Khatijah sendiri yang terletak di Jalan Bayam. Walau bagaimanapun apabila beliau berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1997, (setelah berlakunya pengharaman persembahan mak yong di Kelantan serta perlantikannya sebagai pensyarah ASK), kumpulan tersebut telah mewujudkan satu lagi pengkalan iaitu di rumah barunya di Keramat Permai, Kuala Lumpur.

Sepanjang kewujudannya, kumpulan tersebut telah mengadakan pertunjukan di dalam dan luar negeri. Di antara negara-negara yang pernah dilawati oleh kumpulan tersebut ialah Indonesia, Thailand, Britain, Germany, Perancis, Kuwait dan lain-lain lagi. Kumpulan tersebut pernah menyertai Pesta Ramayana Asia dan mengadakan persembahan di Taman Ismail Marzuki, Indonesia. Di dalam negeri pula, kumpulan tersebut telah berkunjung dari Perlis hinggalah ke Sabah untuk mengadakan pertunjukan. Kumpulan tersebut juga pernah menyertai Kongres Kebudayaan Melayu anjuran Universiti Malaya pada tahun 1971.

Persembahan utama kumpulan tersebut ialah persembahan mak yong. Namun begitu, terdapat juga jemputan yang hanya inginkan persembahan tarian sahaja. Walaupun kumpulan

tersebut hanya mempersembahan tarian, ia adalah terhad kepada tarian Melayu seperti asyik, menora dan ragam. Kumpulan tersebut juga pernah mempersembahkan taridra dan pantomim tetapi kesemuanya berkisar kepada kisah-kisah raja yang mempunyai kaitan dengan mak yong.

4.2.2 Mekanisme Perjalanan Kumpulan Sri Temenggung

Kumpulan Sri Temenggung dipimpin oleh primadona mak yong itu sendiri iaitu Khatijah Awang. Beliau merupakan pemilik merangkap pengurus kepada organisasi tersebut sejak ia ditubuhkan sehingga sekarang. Perjalanan dan pengurusan organisasi ini banyak didokong dan disokong oleh ahli keluarga terdekat beliau sejak ia mula-mula ditubuhkan lagi. Secara amnya, kumpulan ini adalah milik keluarga sepenuhnya yang boleh disamakan dengan organisasi perniagaan milik keluarga dari segi ciri dan pengurusannya. Kesemua pihak pengurusan atasan adalah terdiri daripada ahli keluarga beliau. Justeru itu, tradisi pengurusan ala kekeluargaan masih diteruskan dimana kebanyakan proses membuat keputusan dilakukan secara bermesyuarah tetapi dengan keadaan yang ringkas tanpa muhul menyenggung perasaan sesiapa. Kaedah ‘jemok-kira’ yang pada kebiasaannya diamalkan oleh orang Kelantan juga masih digunakan oleh kumpulan ini. Dalam kaedah jemok-kira tersebut segala permasalahan dan perancangan dibincangkan terlebih dahulu sebelum sesuatu keputusan dibuat. Kaedah ini boleh disamakan dengan kaedah *consensus* dalam ilmu pengurusan moden, dimana setiap pendapat diperdebatkan sebelum sesuatu keputusan diambil.

Perjalanan dan pengurusan organisasinya agak longgar dan kurang profesional kerana faktor kekeluargaan tersebut. Kebiasaan yang pernah terjadi dalam pengurusan Kumpulan Sri Temenggung ialah mesyuarat yang sepatutnya berlangsung tidak akan dapat diadakan kerana salah seorang ahli keluarga tidak hadir. Perkara yang serupa juga telah berlaku dimana mesyuarat terpaksa dihentikan kerana gangguan daripada anak-anak. Satu contoh lagi ialah amat rumit bagi pihak pengurusan Kumpulan Sri Temenggung menegur kesalahan yang dilakukan oleh saudara sendiri. Bagi mengatasi kerumitan ini, mereka memerlukan kebijaksanaan dan hemah yang tinggi. Oleh yang demikian, kadangkala kaedah pengurusan dan perjalanan organisasi menjadi begitu rumit dan kurang sistematik kerana faktor menjaga hati. Kelihatannya, apabila sesebuah organisasi itu ada kena mengena dengan keluarga, maka sikap menjaga hati masih diamalkan.

Kumpulan Sri Temenggung tidak pernah didaftarkan sebagai satu syarikat sehingga pada bulan Oktober 1998 apabila ia didaftarkan sebagai syarikat dengan nama “Spektrum

Inovas Sendirian Berhad". Ia dimiliki oleh Khatijah sebagai pemegang syer yang terbesar diikuti dengan anaknya Norhayati dan menantunya Sazali. Bagi Khatijah penubuhan syarikat tersebut amat penting kerana sebelum itu segala projek dijalankan atas nama syarikat orang lain dan pernah juga kumpulan ini ditipu oleh syarikat yang ditumpanginya pada tahun 1997. Oleh kerana masalah tersebut, maka beliau bertindak mendaftarkan syarikatnya. Nama Kumpulan Sri Temenggung tidak dapat digunakan oleh kerana pihak pendaftar syarikat menolak penggunaan nama tersebut atas alasan bahawa nama tersebut telah digunakan oleh syarikat lain. Walau bagaimanapun kumpulan tersebut masih menggunakan nama Sri Temenggung memandangkan nama itu telah terkenal dan sebatи dikalangan peminat mak yong tanah air.

Pada waktu kajian ini dijalankan, kumpulan tersebut beroperasi di kediaman beliau sendiri iaitu di Keramat Permai. Segala aktiviti sama ada mesyuarat, latihan, penyimpanan alat muzik, busana dan tempat tinggal peserta semasa pertunjukan adalah berpusat di kediaman beliau. Secara amnya, kesemua tanggungjawab pengurusan dan membuat keputusan (sehingga kepada penentuan babak dan skrip) dilakukan oleh beliau sendiri. Kesemua fungsi-fungsi pengurusan yang terdiri dari perancangan, pengelolaan, pengarahan dan pengawalan terletak di bahu Khatijah. Beliaulah yang bertanggungjawab merancang konsep persembahan, busana, pemilihan pelakon, penari dan pemuzik serta kerabat kerja. Beliau terlibat secara langsung dalam membuat perundingan dengan penaja tentang sesebuah persembahan sama ada dari segi nilai dan sebagainya. Beliau juga bertindak sebagai pengurus kewangan. Malah kadangkala beliau terpaksa memasak sendiri makanan untuk dibekalkan kepada kerabat kerja ketika sesebuah persembahan yang dianjurkannya. Masalah tentang pengangkutan (untuk mengambil dan menghantar kerabat kerjanya) juga perlu difikirkannya sendiri. Selain daripada komitmen terhadap kumpulan tersebut, beliau juga bertindak sebagai ketua keluarga. Pendek kata, kesemua fungsi pengurusan dan pentadbiran kumpulan tersebut dilakukan oleh beliau. Oleh kerana terlalu banyak tanggungjawab yang perlu dipikulnya, maka terjadi keadaan dimana sesuatu perancangan itu dilakukan secara *ad-hoc*⁵ dan tidak sistematik. Contohnya, daripada pemerhatian pengkaji terdapat keadaan dimana perubahan babak dan pelakon dilakukan secara tiba-tiba oleh sebab-sebab tertentu yang tidak diketahui. Penilaian ke atas persembahan juga tidak dilakukan secara khusus dan teratur. Pengkaji mendapati bahawa perkara tersebut adalah satu fenomena yang biasa dalam

entiti perniagaan yang dimiliki dan diuruskan oleh ahli keluarga dan lebih ketara lagi dalam perniagaan yang bersifat penganjuran persesembahan oleh kumpulan kesenian.

Kegiatan utama Kumpulan Sri Temenggung ialah mengadakan seni persesembahan mak yong. Walau bagaimanapun, semasa tiada persesembahan, kebanyakan ahlinya berniaga, bekerja separuh masa atau sepenuh masa dengan syarikat swasta ataupun kerajaan.

Pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen fungsi pengurusan seperti perancangan, pengelolaan, pengarahan dan pengawalan wujud dalam mekanisme pengurusan Kumpulan Sri Temenggung tetapi kewujudannya adalah secara tidak langsung dan tersirat. Fungsi-fungsi itu bercampur-baur dan tidak dilakukan secara sistematik. Sebagai contoh, jadual latihan ada disediakan tetapi aktiviti latihan sebenarnya tidak mengikut apa yang dijadualkan. Dalam banyak keadaan berlaku kelewatan dari segi perjalanan aktiviti latihan akibat daripada penundaan jadual. Perkara tersebut berlaku kerana ahli keluarga campur tangan dalam proses pengarahan dan membuat keputusan. Pengkaji mendapati masalah tersebut amatlah ketara. Sebagai contoh, Khatijah bertindak sebagai pengarah kepada sesuatu pementasan tetapi disamping beliau adik iparnya, anaknya dan ahli-ahli keluarga lain juga kadangkala turut bertindak sebagai pengarah. Ini mengakibatkan berlakunya pertembungan arahan, idea dan pendapat yang kemudiannya menyebabkan pelakon, penari dan pemuzik menjadi keliru dan akhirnya bosan. Daripada temubual dengan Juhara Ayub, pelakon utama teater mak yong 'Raja Bongsu Sakti' yang berlangsung pada 11 Desember 1998, beliau berkata:

“Kadang-kadang saya keliru kerana terdapat banyak sangat arahan dari pelbagai pihak. Kadang-kadang Pak Cik Shaari (adik ipar Mak Jah) memberi arahan, lepas itu Mak Jah pula dan kemudiannya Cik Su (Pn. Norhayati - anak Mak Jah), Pak Hamzah (Hamzah Awang Hamat) pun kadangkala ada juga mencelah”.

Kelemahan-kelemahan dari segi pengurusan kewangan kumpulan tersebut amat ketara. Ini kerana, dalam penyediaan anggaran belanjawan yang dikemukakan oleh kumpulan tersebut untuk sesebuah persesembahan tidak mengambil kira kesemua perbelanjaan yang terpaksa ditanggung. Dalam banyak keadaan, yuran kepakaran tidak diambil kira dalam penyediaan belanjawan. Apa yang diambil kira ialah hanya bayaran kepada pemuzik, pelakon, penari serta kerabat kerja manakala bayaran kepada syarikat itu sendiri tidak diambil

kira. Terdapat juga situasi dimana anggaran belanjawan yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan dan akhirnya mengakibatkan kerugian.

Dari segi perancangan aktiviti, kumpulan tersebut memastikan bahawa persempahan mesti diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Bagi kumpulan tersebut, visi, misi dan matlamatnya agak kabur. Sebarang kenyataan visi, misi dan matlamat tidak terdapat secara jelas pada kumpulan ini.

Secara kesimpulannya, terdapat satu sistem pengurusan yang tersirat dalam perjalanan Kumpulan Sri Temenggung. Tanggungjawab pengurusannya adalah tertumpu kepada pemilik kumpulan tersebut iaitu Khatijah. Kaedah dan sistem pengurusan dalam kumpulan ini dicorakkan oleh Khatijah sendiri. Pengurusan kumpulan ini jelas bercorak kekeluargaan dengan Khatijah sebagai kepala keluarga.

Mekanisme pengurusan Kumpulan Sri Temenggung perlu juga dilihat pada setiap bidang fungsi pengurusan kumpulan. Bidang fungsi pengurusan yang dimaksudkan ialah pengurusan personel, pemasaran, operasi dan kewangan.

4.2.3 Pengurusan Personel

Dari segi keahlian, ahli kumpulan tersebut terdiri daripada ahli keluarga dan juga orang luar. Kumpulan ini tidak mempunyai ahli kumpulan yang tetap terutamanya pelakon, penari dan pemuzik. Kumpulan tersebut juga tidak mempunyai personel pengurusan dan pentadbiran yang tetap. Oleh sebab itu, kumpulan tersebut tidak mempunyai satu struktur organisasi yang tetap dan jelas. Pembahagian kerja tidak dilakukan secara jelas dan ketara kerana ketiadaan sistem yang teratur didalam menguruskan personel. Kesemua hal yang berkaitan dengan personel dilakukan oleh Khatijah walaupun setiap masa beliau dibantu oleh anaknya Norhayati. Kebanyakan ahli keluarganya tergolong dalam kategori pelakon, penari dan pemuzik serta kerabat kerja.

Bagi sesebuah persempahan yang berbeza, bilangan personel dan petugas juga adalah berbeza walaupun ia melibatkan ahli keluarga sendiri. Sebagai contoh, dalam persempahan 'Kejujuran' dan 'Raja Bongsu Sakti' pengurus busana adalah terdiri daripada ahli keluarga tetapi orang yang berlainan.

Pembahagian tugas di antara personel juga tidak ketara dan bertindih antara satu sama lain yang akhirnya menyebabkan kekeliruan. Sebagai contoh cucu Khatijah, Kamil melakukan tiga tugas serentak iaitu menjaga busana, memandu van dan menyelaras hal-hal penghantaran makanan. Pertindihan kerja tersebut agak merumitkan dan ia telah menyebabkan amalan pengurusan menjadi kucar-kacir di dalam Kumpulan Sri Temenggung. Isu melakukan berbagai-bagai tugas oleh seseorang personel itu ada kaitannya dengan hubungan kekeluargaan kerana sudah tentu seorang ahli yang mempunyai pertalian kekeluargaan dapat merasakan “*sense of belonging*”⁶ kepada sesuatu usaha yang dilakukan oleh kumpulan tersebut. Beliau sanggup melakukan bermacam-macam tugas demi keluarga. Walaupun terdapat pertindihan di antara satu tugas dengan tugas yang lain serta ketiadaan satu struktur organisasi yang tetap, namun pengkaji dapat melakarkan carta organisasi Kumpulan Sri Temenggung seperti dalam gambarajah 2.0.

Pengurus Urusan
(Khatijah Awang)

Penasihat
(Shaari Abdullah- dulunya

suami Mak Jah sendiri,

Zakaria Abdullah)

Pengurus.	Pengurus	Pengurus	Pengurus
Kewangan	Pemasaran	Operasi	.Pentadbiran
(Khatijah	(Norhayati-	(Sazali-	(Norashikin/
sendiri)	anak)	menantu)	Norhayati-

Solekan wajah	Kostum	Makan/Minum	Pengangkutan	Penari dan
(orang luar)	(Ikah-cucu)	(Arie-Bakal	(Kamil- Cucu)	Pemuzik
		cucu menantu)		(Orang luar/ Kontrak)

Gambarajah 2.0: Carta organisasi Kumpulan Sri Temenggung .

Gambarajah 2.0 menunjukkan carta organisasi Kumpulan Sri Temenggung yang secara tidak langsung juga menunjukkan struktur organisasinya. Walaupun struktur organisasi yang terdapat dalam gambarajah 25.0 nampak teratur, namun pembahagian tugas kadang-kadang sering bertukar dan bertindih. Garisan putus yang terdapat di dalam carta tersebut menunjukkan bahawa terdapat pertindihan dan campur tangan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Contohnya pengurus pemasaran iaitu Norhayati juga kadangkala bertindak sebagai pengurus operasi dan pengurus pentadbiran. Beliau juga seringkali bertindak menyediakan makanan dan minuman untuk kerabat kerja apabila ada sesuatu persembahan disamping menguruskan hal ehwal penari dan koreografi persembahan. Namun begitu, hal-hal kewangan tetap diuruskan oleh Khatijah sendiri dengan pertolongan anaknya Norhayati.

Secara amnya, ketiadaan pengkhususan tugas dan carta organisasi yang sistematik di dalam kumpulan tersebut telah mengakibatkan berlakunya masalah pertindihan tugas.

Dari segi pembayaran gaji atau upah pula, Khatijah sendiri bertanggungjawab mengagihkannya. Tiada gaji yang tetap yang dibayar kepada setiap jawatan yang terdapat dalam organisasi tersebut. Upah dibayar mengikut kadar kerja yang dilakukan semasa sesuatu persembahan. Penari, pemuzik, pelakon serta jurusolek yang terdiri daripada orang luar juga dibayar mengikut kadar kerja yang dilakukan bagi setiap persembahan. Secara puratanya, seorang penari dibayar sekurang-kurangnya RM400.00 untuk setiap persembahan. Manakala pemuzik dan pelakon dibayar kadar upah yang lebih tinggi daripada penari. Kadar bayaran kepada ahli keluarga adalah melebihi dari orang luar. Walau bagaimanapun, kadar bayaran kepada anggota kerja bergantung kepada nilai persembahan yang dibayar oleh pihak pelanggan atau penaja. Kebiasaannya, upah dibayar secara tunai walaupun kadangkala pembayaran juga dibuat melalui cek. Selain Khatijah, anaknya iaitu Norhayati ataupun Sazali (suami Norhayati) juga ditugaskan membuat pembayaran upah. Dalam membuat pembayaran upah, kadangkala terdapat juga keadaan dimana hanya separuh dari keseluruhan pembayaran dibuat terlebih dahulu sekiranya penerimaan pembayaran daripada pihak pelanggan ataupun penaja diterima secara berperingkat-peringkat.

Dalam Kumpulan Sri Temenggung kebanyakannya pelakon, pemuzik dan penari serta kerabat kerja lain seperti kakitangan sokongan diambil bekerja berdasarkan sesuatu persembahan. Oleh yang demikian, personel-personel tersebut bekerja secara separuh masa dan bayaran upah yang diperolehi juga adalah berdasarkan kepada besar atau kecilnya peranan dalam sesuatu persembahan.

Tren mengambil kakitangan secara separuh masa benar-benar wujud dalam semua aktiviti seni persembahan tanpa mengira syarikat kerana untuk mengadakan personel yang tetap perbelanjaannya adalah agak mahal. Pada amnya, tren ini juga ada persamaan dengan perjalanan kumpulan mak yong tradisi. Sejak dari dahulu kala lagi, pemain mak yong bergiat secara separuh masa dan hanya bermain apabila ada persembahan. Dari segi bayaran upah, tren yang sama juga wujud. Bayaran dibuat apabila ada persembahan dan pembayaran dibuat berdasarkan peranan dalam sesebuah persembahan. Namun begitu, tren tersebut tidak berlaku pada masa zaman Tengku Temenggung Ghafar, dimana pemain mak yong diambil bekerja tetap dan dibayar gaji bulanan.

Pemain-pemain mak yong menjalankan kerja utamanya dalam sektor lain seperti pertanian, perniagaan, kerajaan dan lain-lain lagi. Mereka menjalankan permainan mak yong apabila terdapat persembahan. Perkara yang sama masih wujud dalam Kumpulan Sri Temenggung. Kesemua pekerjanya mempunyai kerja tetap di sektor lain. Sebagai contoh, pemuziknya bekerja separuh masa dengan Kompleks Budaya Negara, penarinya terdiri dari penuntut ASK atau pekerja-pekerja swasta dan sebagainya.

Bagi penari, pemuzik, pelakon dan jurusolek, prestasi yang baik merupakan kayu pengukur kepada penawaran semula kontrak kerja pada masa akan datang (sekiranya kumpulan tersebut mengadakan pertunjukan). Tiada insentif atau ganjaran lebih diberikan kepada setiap kerabat kerja. Namun demikian kata-kata motivasi, dorongan dan sokongan sering diberikan kepada setiap anggota kerja untuk menambahkan lagi minat, kecintaan dan komitmen mereka terhadap seni mak yong. Motivasi dan dorongan itu sering datang dari Khatijah sendiri dan beliau amat memahami tentang kesusahan bermain mak yong kerana beliau sendiri mengakui bahawa bagi pemain yang tidak berasal dari Kelantan, untuk mempelajari loghat bahasa dan liuk-lintuk muzik itupun sudah cukup susah.

Pengkaji mendapati perbincangan mengenai latihan juga perlu dihuraikan apabila mempersoalkan tentang personel. Bagi Kumpulan Sri Temenggung, latihan diadakan berdasarkan kepada jadual yang dibuat oleh pengurus pentas. Daripada pemerhatian pengkaji, terdapat jadual disediakan untuk setiap sesi latihan tetapi apa yang berlaku ialah jadual hanya disediakan pada saat-saat akhir iaitu berdekatan dengan tarikh persembahan. Perkara tersebut juga mempunyai kesan kepada masa yang diperuntukkan untuk latihan dimana masanya agak singkat dan tidak mencukupi. Kelemahan tersebut amat ketara dan sering dilakukan dalam pengurusan sesebuah persembahan oleh Kumpulan Sri Temenggung. Masalah kesuntukan

masa juga telah menyebabkan berlakunya kecelaruan dalam proses pengurusan sesebuah persembahan kumpulan tersebut. Ia juga telah menimbulkan rasa tidak puas hati dikalangan kerabat kerja, pelakon, penari dan personel-personel lain.

Mesyuarat secara formal di antara pihak pengurusan kumpulan tersebut dengan semua pihak yang terlibat diadakan sebelum sesebuah persembahan itu berlangsung. Walau bagaimanapun, mesyuarat juga diadakan secara informal pada setiap waktu selepas sesuatu sesi latihan tamat. Pada masa itu, Khatijah sendiri akan mempengerusikan mesyuarat dan beliau akan memberi pandangan, saranan, komen serta harapan beliau kepada semua anggota kerja dalam sesebuah persembahan. Pada masa itu juga anggota kerja berpeluang untuk menyuarakan pandangan, pendapat serta komen mereka. Oleh itu, kajian mendapati terdapat satu hubungan komunikasi berbentuk dua hala di antara pengusaha dengan personel di dalam Kumpulan Sri Temenggung.

Sikap menggunakan budi bicara, bertimbang rasa dan menjaga hati kerabat kerja serta keluwesan yang tinggi dalam menguruskan personel di Kumpulan Sri Temenggung menjadikan hubungan setiap personel di dalam sesebuah persembahan itu rapat dan harmonis. Ini menyebabkan wujudnya satu *teamwork* yang baik dalam kumpulan tersebut yang akhirnya dapat menyumbang ke arah kejayaan sesebuah persembahan.

4.2.4 Pengurusan Pemasaran

Bagi Kumpulan Sri Temenggung, aktiviti publisiti dan pemasaran merupakan satu aktiviti yang dilakukan apabila ingin mengadakan persembahan. Perlaksanaan aktiviti itu bergantung kepada pihak yang menganjurkan sesebuah persembahan. Sebagai contoh, dalam persembahan 'Raja Bongsu Sakti', pihak penyelaras iaitu Panggung Negara dan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan telah ditugaskan untuk menjalankan aktiviti publisiti dan pemasaran. Oleh itu, segala usaha pemasaran dilakukan oleh pihak penyelaras. Pihak Kumpulan cuma berkerjasama dengan penyelaras dalam aktiviti pemasaran dan publisiti tertentu seperti mengadakan persembahan promosi di kompleks-komplek, sidang akhbar dan televisyen. Disinilah, timbulnya persoalan dan permasalahan tentang siapa harus dipersalahkan apabila sesebuah persembahan itu tidak mendapat publisiti dan liputan yang meluas, serta tidak mendapat sambutan ramai. Oleh kerana masalah itu, pihak Kumpulan Sri Temenggung juga berusaha untuk melakukan aktiviti pemasaran seperti promosi dan publisiti. Sebagai contoh, Kumpulan Sri Temenggung menghantar surat jemputan dan poskad kepada institusi-institusi yang berpotensi, menampal poster ditempat-tempat strategik seperti di

perhentian bas serta menjalankan aktiviti promosi di kompleks membeli-belah, publisiti diakhbar dan televisyen.

Apabila membincangkan tentang pemasaran, tumpuan harus diberikan kepada keseluruhan aspek pemasaran dan bukan hanya semata-mata publisiti. Aspek pemasaran yang perlu dilihat meliputi produk, harga, promosi dan pengedaran. Untuk tujuan tersebut, setiap aspek akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam kajian ini.

4.2.4.1 Produk

Produk utama yang dipersembahkan oleh kumpulan tersebut sejak dari awal penubuhannya ialah persembahan teater tradisi mak yong. Di samping mak yong, kumpulan tersebut juga mempersembahkan tarian-tarian bercorak tradisi seperti asyik, ramayana, inai, menora, wau bulan dan ragam (campuran pelbagai tarian). Oleh kerana produk utama kumpulan tersebut adalah mak yong, maka pengkaji akan menghuraikan mengenai struktur persembahan mak yong. Menurut Ghulam Sarwar (1976) permainan mak yong terbahagi kepada struktur-struktur berikut:

- (a) Baca kenduri
- (b) Buka alat-alat muzik
- (c) Ritual buka panggung
- (d) Sang Pak Yong Turun
- (e) Menghadap rebab
- (f) Perkenalkan diri
- (g) Pecah cerita

Bagi kumpulan tersebut, permainan mak yongnya mempunyai struktur yang sama dengan apa yang diperkatakan oleh Gulam Sarwar, dimana struktur yang diperkatakannya merupakan struktur persembahan pada waktu beliau melaksanakan penyelidikan peringkat doktor falsafah iaitu pada tahun 1976. Namun demikian,

kumpulan tersebut telah meringkaskan serta memendekkan beberapa bahagian di dalam struktur persembahannya untuk mengurangkan jangka masa persembahan. Jangka masa satu persembahan bagi kumpulan tersebut ialah selama dua hingga tiga jam sehari. Amalan buka panggung tetap diadakan tetapi ia hanya sekadar memenuhi syarat sahaja. Ia cuma diadakan dalam jangka masa lima belas hingga dua puluh minit sahaja dimana semua pemain dikehendakki berada bersama dihadapan pemuzik bagi melaksanakan amalan buka panggung. Tiada bomoh dipanggil untuk membuka panggung. Buka panggung biasanya dilakukan oleh Pengarah Muzik kumpulan iaitu Hamzah Awang Hamat sendiri. Beberapa jenis bahan seperti telor, sirih pinang dan kemenyan masih digunakan semasa proses membuka panggung. Pulut kuning berserta dengan kari ayam atau daging juga disediakan untuk dinikmati bersama oleh semua kerabat kerja selepas proses buka panggung selesai. Proses perjalanan persembahan selepas acara buka panggung adalah sama seperti pertunjukan mak yong yang biasa yang mana ia dimulai dengan mengadap rebab, nyanyian lagu-lagu permulaan, perkenal diri, permulaan cerita dan seterusnya tamat cerita. Pada akhir persembahan, pembuka panggung akan melakukan acara ringkas penutupan panggung dengan membaca ayat-ayat tertentu bertujuan untuk memulihkan semula semangat para pemain. Ia dilakukan secara ringkas iaitu dalam jangkamasa lima hingga sepuluh minit dengan membaca ayat tertentu sambil meletak dan melurut perlahan-lahan pemiat⁷ kepada belakang pemain.

Seperti yang telah dinyatakan di atas, Kumpulan Sri Temenggung telah memendekkan masa persembahan mereka kepada dua hingga tiga jam seminggu. Ini dilakukan kerana kumpulan tersebut ingin mengikuti peredaran zaman dan kepekaan mereka terhadap sikap penonton. Pelanggan masa kini, tidak mempunyai masa untuk datang selama dua atau tiga hari ataupun seminggu bagi menonton mak yong. Selain itu, pelanggan juga tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk berbelanja terhadap hiburan.

Akibat daripada keputusan kumpulan tersebut untuk memendekkan jangkamasa persembahan, kebanyakan segmen yang kurang penting dan menarik telah digugurkan daripada persembahan asal tanpa menjelaskan perjalanan cerita serta merosakkan struktur asal pemainan mak yong. Segmen-segmen seperti lawak, lakonan dan dialog yang panjang telah dipendekkan. Pada waktu kajian ini dilakukan, persembahan kumpulan tersebut lebih banyak memasukkan elemen tarian dan nyanyian. Perubahan tersebut penting untuk memenuhi kehendak penonton dan ia

dilakukan dengan teliti tanpa mencacatkan keseluruhan permainan mak yong. Secara tidak langsung, ia merupakan satu tindakan yang wajar dimana sikap kepekaan kumpulan tersebut (setelah menerima pandangan dan komen penonton ke atas persembahan mereka yang terdahulu) telah menjadikan persembahan mereka digemari penonton serta tidak membosankan. Walaupun perubahan telah dilakukan terhadap persembahan, namun pergerakan penari dan pelakon semasa persembahan masih tetap dikekalkan dalam bentuk bulatan.

Kumpulan tersebut juga masih mengekalkan penggunaan cerita-cerita klasik seperti ‘Anak Raja Gondang’, ‘Raja Bongsu Sakti’ dan ‘Indera Dewa’ dalam persembahannya. Watak-watak dan nama-nama lama masih tetap dikekalkan. Loghat Kelantan juga masih tetap digunakan walaupun kadangkala diselitkan dengan loghat-loghat negeri lain sebagai elemen selingan dan jenaka. Bentuk dan lenggok nyanyian masih juga serupa, walaupun ada diselitkan dengan selingan lagu hindustan dan inang secara berjenaka oleh peran (orang suruhan yang seakan-akan badut). Dialog juga masih menggunakan bahasa sastera mak yong yang dipertuturkan dalam loghat Kelantan, walaupun pelakonnya adalah bukan orang Kelantan.

Jenaka juga masih tetap sama dimana jenaka secara spontan dan slapstik digunakan dengan meluas. Namun demikian, semasa berjenaka perkara-perkara terkini di Malaysia seperti komputer, Multimedia Super Corridor, reformasi, kegawatan ekonomi dan sebagainya turut diselitkan sebagai satu jenaka yang menghiburkan.

Permainan mak yong yang dipersembahkan oleh kumpulan tersebut juga masih mengekalkan pemakaian busana tradisional yang berwarna-warni dan bergemerlapan seperti pakaian kemban Cik Siti Wan Kembang. Penggunaan kostum yang berasaskan fabrik tenunan tempatan, songket serta baldu masih dikekalkan. Manik, labuci serta permata tiruan digunakan untuk tambahan hiasan pakaian. Sebenarnya, kostum-kostum ini telah menambahkan lagi seri persembahan tersebut yang sekaligus meningkatkan nilai persembahan.

Secara umumnya, rekaan kostum masih lagi mengekalkan rekaan lama. Sebagai contoh, penari masih memakai pakaian kemban Cik Siti Wan Kembang. Namun begitu, kostum kumpulan ini telah diubahsuai menjadi lebih ringkas. Fabrik-fabrik tradisional seperti baldu, songket dan tenun telah dicampur dan dipadankan dengan fabrik moden yang asasnya baldu tetapi bertatahkan permata, labuci dan perada. Aksesori kepala dan badan masih tetap sama. “La”⁸ masih tetap

dipakai di dada, pending besar juga masih digunakan oleh tuan puteri manakala bunga besar, bunga melor jurai serta cucuk sanggul tetap tersergam indah di kepala.

Setanjak yang berkerlipan, aksesori gelang tangan serta subang jurai tetap dipakai untuk melengkapkan pemakaian permainan mak yong.

Kaedah solekan pula berubah mengikut peredaran zaman. Solekan yang tebal telah diganti dengan solekan yang lebih semula jadi yang dapat menonjolkan kecantikan asli seseorang pemain. Warna-warna solekan mata yang lebih semula jadi seperti warna tanah digunakan untuk menambahkan lagi seri para pemain. Walau bagaimanapun solekan kening para pemain masih tetap dikekalkan tebal dan berwarna hitam atau coklat tua. Pemain tidak dibenarkan berkening tipis seperti satu garisan. Warna solekan bibir juga telah berubah mengikut warna-warna semasa yang sesuai dengan pertunjukan pentas seperti merah tua dan *fuchsia*. Solekan pemain lelaki seperti peran juga tidak berubah. Walau bagaimanapun, terdapat cubaan menyolek peran dengan solekan badot sarkis dan solekan patung *Mac Donald* terutamanya di bahagian pipi tetapi Khatijah telah mendapat komen bahawa solekan sebegitu tidak sesuai dengan permainan mak yong. Para pemain mak yong dalam kumpulan tersebut masih lagi berkaki ayam semasa pertunjukan kecuali tuan puteri dan pak yong.

Selain daripada busana dan aksesori, perjalanan persembahan yang masih dilakukan dalam bulatan diperindahkan lagi dengan peralatan pentas (“*stage props*”). Stage props yang lebih kontemporari dan sesuai dengan tema persembahan telah mula digunakan oleh kumpulan tersebut. Sebagai contoh bagi persembahan teater mak yong ‘Kejujuran’ anjuran kumpulan tersebut, peralatan pentas yang digunakan ialah patung wayang kulit yang digantung di atas pentas. Persembahan ‘Raja Bongsu Sakti’ pula menggunakan kepala kapal yang berbentuk burung petalawati yang digantung di hadapan pentas, manakala, badan dan belakang kapal dijadikan sebagai pentas utama. Bagi babak menaikkan layar kapal, kain putih diturunkan daripada bahagian atas pentas untuk menunjukkan layar telah diangkat. Manakala bagi babak di dalam gua pula, tirai yang mempunyai lukisan permukaan gua diturunkan. Penggunaan kain biru muda dengan lukisan ombak pula menandakan air laut yang menunjukkan kapal sedang berlayar. Kesemua penggunaan peralatan ini adalah satu perkara baru dalam permainan mak yong. Sebelum ini permainan mak yong banyak dilakukan di atas pentas tanpa sebarang peralatan pentas dan hanya menitikberatkan pergerakan dalam bulatan semata-mata. Inovasi yang dilakukan oleh Kumpulan Sri Temenggung merupakan idea baru dalam mak yong. Usaha tersebut telah mengangkat imej

Kumpulan Sri Temenggung dan telah mendapat pujian seperti yang dilaporkan dalam akhbar Berita Harian (11 Disember 1998).

“Pada persembahan mak yong terdahulu, tidak ditemui penggunaan props. Ini tentunya kerana keterbatasan ruang dan hambatan kewangan tetapi pada pementasan ‘Raja Bongsu Sakti’, stage props dihadirkan untuk memberi satu kelainan. Suntikan idea baru pengarahnya Khatijah Awang adalah baik supaya ruang pentas tidak terlalu kosong”.

Kumpulan tersebut juga menyedari bahawa pelakon merupakan satu faktor utama yang dapat memberi kesan kepada sesebuah persembahan dan oleh kerana itu pemilihan pelakon telah dibuat oleh Khatijah sendiri. Kumpulan tersebut juga telah mengambil pendekatan amalan persembahan terkini dimana pelakon-pelakon yang telah mempunyai nama digunakan sebagai pelakon utama dalam sesebuah pertunjukan. Tetapi pengambilan pelakon utama tersebut bukanlah dibuat berdasarkan populariti dan glamor semata-mata. Bakat dan kebolehan untuk bermain mak yong serta kebolehan bertutur dalam dialek Kelantan merupakan ciri-ciri utama pemilihan pelakon oleh Khatijah. Sebagai contoh pemilihan artis Juhara Ayob dan Norzizi Zulkifli dalam persembahan ‘Mak Yong Raja Bongsu Sakti’ jelas menunjukkan bahawa bukan sahaja elemen populariti dan bakat diambil kira dalam proses pemilihan pemain utama malah faktor anak didik juga diambil kira dalam proses pemilihan pelakon. Kedua-dua mereka adalah bekas anak didik Khatijah semasa menuntut di ASK. Selain dari itu, kedua-dua pelakon yang telah mencipta nama itu juga dapat memberi nilai tambah kepada persembahan kumpulan tersebut memandangkan mereka telahpun mula terkenal di bidang lakonan drama di Malaysia. Perkara yang sama juga berlaku kepada pemilihan Rosman Abas. Hamzah Awang Hamat dan kumpulan pemuziknya pula telah dipilih atas dasar rakan karib dan senang untuk berurusam.

Khatijah dan anaknya sendiri pula tidak lagi mengambil peranan yang besar dalam sesebuah persembahan. Beliau ingin memberi laluan kepada anak didiknya dan pelakon muda yang lebih cantik untuk memegang watak utama dalam lakonan dan tarian. Pendekatan tersebut bukan sahaja menampakkan Khatijah lebih bersikap profesional tetapi juga dapat menunjukkan keprihatinan beliau untuk meningkatkan

lagi persembahan mak yang kumpulannya dari segi mutu persembahan dan juga kecantikan pelakon. Pengkaji mendapati perkara tersebut adalah selaras dengan cetusan hasrat awal Khatijah untuk menubuhkan kumpulan mak yang sendiri yang mempunyai pemain muda dan cantik.

4.2.4.2 Harga

Bagi kumpulan tersebut, harga merujuk kepada nilai sebuah persembahan dan harga tiket yang dijualkan kepada penonton. Pada puratanya, harga tiket yang dijualkan kepada penonton ialah dalam lingkungan RM5.00 hingga RM30.00. Namun begitu, harga tiket ini bergantung kepada jenis penaja, persetujuan dari pihak penaja dan juga tempat persembahan. Sebagai contoh, harga yang dikenakan kepada penonton bagi sebuah persembahan yang diadakan di MATIC ialah dalam lingkungan RM5.00. Manakala bagi persembahan yang diadakan di Panggung Eksperimen Kompleks Budaya Negara lingkungan harganya ialah RM10.00. Kedua-dua persembahan yang bernilai RM5.00 dan RM10.00 tersebut, adalah persembahan yang dianjurkan bersama dengan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. Tetapi bagi persembahan yang dianjurkan oleh pihak Kumpulan Sri Temenggung sendiri seperti pertunjukan taridra mak yang 'Kejujuran', harga tiketnya agak tinggi iaitu RM30.00. Oleh yang demikian, penetapan harga tiket dibuat berdasarkan perbincangan dan persetujuan di antara pihak penaja dan pihak Kumpulan Sri Temenggung serta jenis tajaan (sama ada tajaan penuh atau separuh). Bagi persembahan yang dianjurkan oleh Kumpulan Sri Temenggung sendiri tanpa sebarang tajaan besar dari pihak tertentu, kumpulan tersebut mempunyai hak sepenuhnya untuk menetapkan harga tiket. Walau bagaimanapun, harga tiket yang ditetapkan oleh kumpulan tersebut adalah mengikut harga semasa dimana lingkungan harganya ialah dari RM10.00 sehingga RM30.00 bagi pertunjukan yang diadakan di sekitar Kuala Lumpur. Faktor kemampuan penonton untuk membayar dan keadaan semasa amat dititik beratkan oleh kumpulan tersebut dalam menetapkan harga tiket.

Bagi nilai sebuah persembahan pula, kumpulan tersebut akan mengambil kira kos-kos yang terpaksa ditanggung untuk mengadakan sebuah pertunjukan di samping peratusan keuntungan yang diinginkan. Kos-kos yang terlibat ialah kos membayar sewaan tempat (sekiranya tidak ditaja), bayaran pelakon utama, penari, pemuzik, juru solek, kerabat kerja, kostum, pemasaran dan publisiti, peralatan, pengangkutan, makan dan minum serta sumbangan kepada pengusaha dan syarikat. Walaupun pada awal

penubuhannya, nilai persembahan kumpulan tersebut hanyalah serendah RM3,000.00 tetapi sekarang nilai itu telah meningkat kepada lingkungan RM10,000.00 sehingga RM50,000.00 untuk satu persembahan selama tiga hari. Secara amnya, nilai yang ditetapkan oleh kumpulan tersebut adalah rendah jika dibandingkan dengan kumpulan-kumpulan seni lain. Penetapan nilai persembahan oleh kumpulan tersebut dibuat secara kasar setelah diambil kira kos-kos yang terlibat.

Secara umumnya, penetapan harga dan juga nilai persembahan Kumpulan Sri Temenggung dibuat berlandaskan kepada kemampuan pihak pelanggan (penonton dan penaja) dan juga keadaan semasa. Kumpulan tersebut berpendapat, tiada gunanya harga ditetapkan tinggi sedangkan pengguna tidak mempunyai keupayaan untuk menaja dan penonton juga tidak dapat menonton persembahan mak yong. Kumpulan tersebut juga berpendapat bahawa harga bagi sesebuah persembahan mak yong memang sering diperkecil dan direndahkan oleh pihak penaja yang beranggapan bahawa kumpulan mak yong masih belum profesional. Anggapan negatif tersebut berlaku kerana pihak penaja sering memerhatikan cara sesebuah kumpulan itu menguruskan persembahannya. Kebiasaannya, pihak penaja mengukur tahap keprofesionalan sesebuah kumpulan mengikut amalan pengurusan persembahannya. Tambahan pula penaja sering beranggapan bahawa seni persembahan Melayu sentiasa ditawarkan secara percuma. Perkara-perkara inilah yang telah membentuk satu anggapan salah tentang seni persembahan Melayu.

4.2.4.3 Promosi

Bagi Kumpulan Sri Temenggung, aktiviti promosi adalah salah satu daripada aktiviti utama yang sering difikirkan. Pada amnya, aktiviti awal penyediaan promosi bagi kumpulan tersebut sering dipertanggungjawabkan kepada pihak penyelaras persembahan seperti pihak Panggung Negara. Kerja-kerja awal untuk mengadakan promosi sahaja dilakukan oleh pihak penaja, tetapi setelah itu kegiatan promosi dilakukan sepenuhnya oleh kumpulan tersebut. Bentuk promosi yang sering digunakan oleh kumpulan tersebut ialah seperti yang berikut :

- (a) Publisiti melalui radio, televisyen dan akhbar-akhbar
- (b) Pengiklanan yang menggunakan kaedah edaran brosur serta memasukkan dalam kalender aktiviti sesuatu media.

- (c) Demonstrasi persembahan secara langsung di kompleks-kompleks membeli-belah atau di tempat-tempat yang berkaitan seperti Menara Kuala Lumpur dan Pasar Budaya.

Publisiti yang diadakan melalui media-media elektronik dan cetak diuruskan dan diaturkan oleh pihak penyelaras seperti Panggung Negara. Promosi bentuk itu diadakan dalam masa dua minggu atau satu minggu sebelum persembahan diadakan. Tetapi dalam persembahan 'Raja Bongsu Sakti' promosi dalam akhbar telah dilakukan dua bulan sebelum tarikh sebenar persembahan. Promosi awal oleh kumpulan tersebut memang diakui sebagai satu tindakan yang baik. Permasalahan yang timbul berikutnya ialah bakal penonton akan lupa akan tarikh dan tempat persembahan sekiranya promosi dilakukan terlalu awal. Ini kerana sudah menjadi lumrah penonton bersikap "tunggu dulu" sekiranya tarikh persembahan masih jauh. Pada kebiasaannya, kumpulan tersebut akan menggiatkan promosi hanya pada minggu terakhir sebelum persembahan. Tindakan sebegini juga dianggap baik tetapi agak terlambat. Sebagai contoh, bagi persembahan 'Raja Bongsu Sakti' iklan ditampal pada minggu terakhir sebelum persembahan, promosi di kompleks membeli-belah dilakukan empat hari sebelum persembahan dan begitu jugalah dengan publisiti melalui radio, televisyen dan akhbar. Aktiviti promosi dalam minggu terakhir itu dianggap lambat kerana bakal penonton perlu diberitahu sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum persembahan bagi memberi masa kepada mereka mengatur aktiviti harian mereka. Amalan terbaik bagi melakukan latihan lengkap dan sidang akhbar adalah seminggu atau dua minggu sebelum persembahan diadakan. Ini kerana ia dapat memberi masa kepada akhbar dan televisyen membuat publisiti ke atas persembahan yang bakal diadakan. Aktiviti promosi yang diadakan lambat juga akan menyebabkan proses pengurusan persembahan tidak sistematik kerana pada minggu terakhir itulah segala persiapan akhir pentas dan lain-lain ingin diadakan. Pertindihan aktiviti memang banyak berlaku pada minggu terakhir sebelum persembahan dan perkara ini sepatutnya dielakkan. Oleh yang demikian kegiatan promosi kumpulan tersebut perlu diadakan tiga minggu sebelum persembahan. Kesuntukan masa untuk aktiviti promosi dan pertindihan aktiviti lain dengan aktiviti promosi semasa minggu terakhir merupakan masalah yang sering dihadapi oleh kumpulan tersebut. Perkara tersebut juga berkait rapat dengan gaya pengurusan Kumpulan Sri Temenggung dimana terdapat banyak

pertindihan tugas dan masalah penjadualan aktiviti yang tidak dilakukan awal. Aktiviti promosi kumpulan tersebut yang dilakukan secara ad-hoc dan tidak begitu terurus juga telah menyumbang ke arah kelemahan pengurusan sesebuah persembahannya.

Kebanyakan promosi yang dilakukan oleh kumpulan tersebut adalah promosi tidak berbayar kecuali penyediaan poster, brosur dan risalah. Tahap kecanggihan brosur dan risalah yang disediakan bergantung kepada peruntukan belanjawan yang ada. Kebiasaannya, risalah dan brosur yang disediakan oleh kumpulan tersebut adalah ringkas yang menggunakan kertas licin (*glossy*) serta gabungan warna yang terhad. Poster-poster ditampalkan di tempat-tempat yang dianggap strategik yang hampir dengan sasaran penonton. Kerabat kerja juga diberi sekurang-kurangnya lima poster untuk ditampal berdekatan dengan tempat kediaman mereka. Kumpulan tersebut jarang menggunakan kaedah promosi melalui kalendar aktiviti kebudayaan yang terdapat di akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan. Namun begitu, kaedah promosi ini juga penting untuk digunakan oleh kumpulan tersebut memandangkan aktiviti promosi sedemikian juga dapat memberi kesan yang positif.

Secara umumnya, kegiatan promosi yang dilakukan oleh kumpulan tersebut ialah dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Penentuan kaedah itu bergantung kepada jumlah peruntukan yang ada bagi menjalankan aktiviti promosi. Kaedah menampal poster, pemberian brosur, publisiti media dan promosi bersemuka merupakan kaedah lama yang masih digunakan. Kaedah baru seperti penghebahan di dalam komputer melalui *Internet* dan pembinaan laman web masih belum diterokai oleh kumpulan tersebut.

4.2.4.4 Pengedaran

Bagi Kumpulan Sri Temenggung, perbincangan pengkaji tentang pengedaran sesebuah persembahan merujuk kepada pengedaran jemputan dan tiket. Kumpulan tersebut menghantar jemputan-jemputan formal melalui pos kepada pelbagai organisasi seni, agensi kerajaan, swasta dan orang perseorangan yang berkaitan untuk mempelawa mereka menonton persembahan yang bakal diadakan. Namun begitu, jemputan secara lisan juga diamalkan oleh kumpulan tersebut. Kaedah itu dianggap sebagai satu cara promosi bersemuka. Jemputan-jemputan formal yang dikeluarkan oleh kumpulan ini biasanya dibuat dalam bentuk surat atau poskad yang menerangkan tentang tajuk persembahan, tempat, harga tiket, tarikh dan waktu persembahan serta

kerabat kerja utama seperti pengarah dan pelakon utama. Tempat mendapatkan tiket serta nombor telefon untuk dihubungi juga dinyatakan dalam jemputan yang dikeluarkan. Penjualan tiket pula dilakukan seminggu sebelum dan semasa tarikh persembahan diadakan oleh pihak penyelaras. Pada kebiasaannya, kumpulan tersebut hanya akan menjual tiket pada malam persembahan. Namun begitu, terdapat juga keadaan dimana tiket dijual bersama dengan aktiviti promosi yang dilakukan iaitu dua minggu atau satu minggu sebelum persembahan.

Setiap kerabat kerja juga diberi tiket untuk dijual sebelum tarikh persembahan. Tiada komisyen diberikan kepada kerabat kerja ke atas setiap jualan tiket. Walau bagaimanapun, setiap kerabat kerja diperuntukkan satu atau dua tiket percuma untuk diberikan kepada saudara mara atau sahabat handai mereka. Bukan setakat tiket sahaja, malah kerabat kerja juga diberi poster untuk ditampal di tempat-tempat yang dirasakan strategi bagi tujuan promosi. Secara umumnya, kaedah pengedaran yang digunakan oleh kumpulan tersebut ada persamaan dengan kaedah yang biasa dilakukan oleh organisasi seni persembahan lain kecuali beberapa perkara. Di antaranya, kumpulan tersebut tidak pernah menggunakan orang tengah dalam penjualan tiket seperti menjual tiket di kedai buku, restoran dan sebagainya. Saluran pengedaran kumpulan tersebut agak terhad kerana ia menggunakan kerabat kerja kumpulan tersebut dan penyelaras sahaja untuk mengedarkan tiket. Orang tengah yang sering digunakan oleh kumpulan tersebut ialah pihak kerajaan seperti Panggung Negara, Kompleks Budaya Negara, MATIC dan KKKP.

4.2.5 Pengurusan Operasi

Bagi kumpulan tersebut, operasi merujuk kepada proses-proses yang terpaksa dilakukan semasa hendak mengadakan persembahan. Seperti di bahagian personel, Khatijah adalah orang yang paling penting dalam menjalankan sesuatu operasi. Namun begitu, untuk sesebuah persembahan kumpulan tersebut, terdapat tenaga produksi yang akan menggerakkan operasinya. Bagi sebuah persembahan kumpulan tersebut, kebiasaannya terdapat penasihat, pengarah artistik (Khatijah sendiri), koreografer (pereka tari), pereka tata cahaya, pereka set, pengurus pentas, pembantu pengurus pentas, juru pakaian, juru solek, pengurus audio, pengurus kebajikan dan logistik, pengurus panggung, pembantu pengurus panggung dan juru acara. Di samping tenaga produksi terdapat juga penari, pelakon dan pemuzik.

Kerja-kerja operasi untuk sesebuah persembahan terlebih dahulu dibentangkan dalam mesyuarat setelah keputusan untuk mementaskan sesuatu persembahan itu diambil. Setiap

kerja yang perlu dilakukan untuk sebuah persembahan diuraikan dan kemudiannya dilantik pengurus serta personel bagi setiap tugas. Setelah itu, kerja-kerja ke arah pementasan akan bermula. Pereka set dan props terlebih dahulu akan menyediakan konsep props yang akan digunakan. Setelah cadangan konsep props itu dipersetujui oleh Khatijah, maka kerja-kerja membuat set dan props akan bermula. Pengurus Pentas pula akan mengkoordinasikan semua perkara yang berlaku di atas dan di belakang pentas. Pihak yang menjaga audio dan cahaya akan memastikan pemilihan unsur-unsur bunyi dan cahaya yang bertepatan dengan konsep pementasan. Juru pakaian akan menentukan jenis pakaian dan sumbernya. Beliau juga perlu memastikan bilangan pakaian mencukupi untuk setiap pemain. Manakala juru solek pula perlu meneliti tata cara solekan dan hiasan untuk setiap watak yang terdapat dalam sebuah persembahan. Dalam proses pengurusan operasi ini, kesemua tenaga produksi bekerja serentak dan setiap permasalahan serta pandangan akan dirujuk kepada Khatijah sebagai pengarah artistik. Persetujuan dan kata putus daripada Khatijah adalah penting dan muktamad. Peringkat operasi ini dianggap peringkat yang paling penting kerana sedikit kesilapan dalam penyediaan aspek-aspek operasi akan memberi kesan yang besar ke atas persembahan. Oleh itu, setiap ahli kumpulan akan menumpukan perhatian kepada kerja mereka.

Pihak Pengurus Pentas akan menyediakan jadual kerja yang diedarkan kepada semua tenaga produksi. Jadual latihan juga disediakan dan diedarkan kepada semua pemain. Latihan pula diadakan dua atau tiga bulan sebelum sebuah persembahan itu dipentaskan. Latihan diadakan secara berperingkat dimana penari-penari dan pemuzik terlebih dahulu diwajibkan mengadakan latihan. Manakala pelakon-pelakon utama akan mengadakan latihan dalam masa sebulan sebelum persembahan sebenar. Skrip hanya akan diberikan kepada pelakon apabila mereka mengesahkan penyertaannya. Segala kerja-kerja pentas yang melibatkan set, props, suara dan cahaya juga berjalan serentak. Khatijah akan memberi maklum balas kepada pengurus-pengurus sekiranya terdapat sebarang masalah, komen atau pandangan. Sebulan sebelum persembahan, latihan akan diadakan lebih kerap iaitu empat hingga lima kali seminggu. Latihan akan diperkerapkan lagi apabila sudah masuk seminggu atau dua minggu sebelum persembahan iaitu setiap hari selama empat hingga lima jam. Kebiasaannya, latihan diadakan di waktu malam bertempat di ASK kerana kumpulan tersebut tidak mempunyai tempat latihannya sendiri. ASK digunakan sebagai tempat latihan kerana Khatijah merupakan pensyarah di situ. Tambahan pula kebanyakannya penari, pelakon serta pemuziknya adalah diambil daripada pelajar ASK sendiri atau kakitangan KKKP dan ini dapat menyenangkan lagi mereka untuk datang berlatih. Kedudukan ASK yang agak strategik

dan senang dikunjungi juga merupakan faktor utama ASK diguna sebagai tempat latihan. Berkenaan dengan hal-hal teknikal, walaupun pada dasarnya Khatijah menyerahkan bulat-bulat kepada pengurusnya namun beliau sentiasa mengawal setiap perkara yang dilakukan oleh mereka.

Khatijah dan anaknya Norhayati terbabit secara langsung dalam mereka cipta pakaian untuk persembahan. Segala aktiviti pembelian bahan-bahan fabrik dan manik, memotong, menjahit, menyulam serta menekat manik dilakukan sendiri oleh mereka. Dengan cara itu kumpulan tersebut dapat menjimatkan kos. Walau bagaimanapun, perkara tersebut juga sekaligus akan menyebabkan Khatijah dibebani kerja-kerja remeh yang sepatutnya diserahkan kepada orang lain. Disebabkan faktor kepakaran diri, kesesuaian rekaan pakaian dengan persembahan serta sumber kewangan yang terhad, aktiviti mereka cipta dan menjahit busana ini masih ditanggung oleh Khatijah dan anak-anaknya. Kerja-kerja menyolek pelakon, penari dan pemuzik biasanya diserahkan kepada juru solek luar. Namun begitu, Mak Jah terlebih dahulu akan memberi garis panduan solekan kepada juru solek yang ditugaskan. Pengkaji juga berpeluang berkhidmat sebagai juru solek bagi lima persembahan. Alat-alat muzik, pakaian, aksesori, serta peralatan-peralatan permainan lainnya disimpan dan dijaga oleh Khatijah di rumahnya.

Untuk kemudahan pengangkutan pula, van dan kereta peribadi Mak Jah dan ahli kumpulan tersebut digunakan bagi mengangkut kerabat kerja semasa persembahan. Di samping itu juga, aktiviti berkaitan dengan penyediaan makan dan minum kerabat kerja disediakan oleh kumpulan tersebut sendiri. Kesimpulannya, kumpulan tersebut melakukan sendiri kesemua aktiviti yang berkaitan dengan penyediaan pakaian, peralatan serta logistik. Kesemua aktiviti ini berpengkalan di rumah Khatijah sendiri.

Untuk memastikan kelancaran sesuatu sesi latihan ataupun aktiviti, setiap anggota kerja diberi senarai alamat dan nombor telefon kesemua ahli bermula dari pengarah sehingga kepada juru solek. Masalah utama yang sering berlaku dalam pengurusan operasi kumpulan tersebut ialah ketiadaan koordinasi yang mantap dari setiap bahagian yang mengakibatkan berlakunya percanggahan maklumat dan pendapat. Kelewatan, tidak tepati masa serta sikap sambil lewa pihak pengurusan juga merupakan masalah yang sering dihadapi oleh kumpulan tersebut dalam mengurus operasinya. Apabila perkara ini terjadi, maka satu mesyuarat akan diadakan untuk menyatakan masalah tersebut dan seterusnya menyelesaikannya. Kebiasaannya didalam mesyuarat produksi, setiap orang diberi peluang untuk mengutarakan pendapat, saran dan cadangan sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Oleh kerana pelakon, pemuzik, penari dan kerabat kerja adalah terdiri daripada anak didik dan pelajar Khatijah, masalah ponteng tidak berlaku.

Semasa persempahan berlangsung, satu pameran ringkas berkenaan dengan sejarah kumpulan, persempahan-persempahan lalu dan terkini diadakan di ruang legar tempat persempahan. Penyediaan bahan-bahan pameran ini dilakukan oleh pengurus pentas. Bahan-bahan untuk pameran diperolehi dari koleksi bahan yang disimpan oleh Khatijah sendiri. Bahan-bahan yang digunakan untuk pameran memang telah disediakan khusus oleh kumpulan tersebut. Kebiasaannya, ia dalam bentuk keratan akhbar, majalah, gambar-gambar, pakaian, aksesori, dan alat muzik mak yong. Di samping pameran, sebelum persempahan dimulakan, kumpulan tersebut akan memperdengarkan selingan lagu-lagu mak yong yang telah dirakamkan dari persempahan-persempahan yang terdahulu. Kaedah ini digunakan sebagai bahan selingan dan pengenalan kepada persempahan mak yong. Selain daripada itu, penonton yang berada diruang legar juga dihidangkan dengan selingan tayangan video persempahan mak yong yang terdahulu. Kumpulan tersebut tidak pernah mengadakan aktiviti jualan barang cenderamata bagi sesuatu persempahan.

4.2.6 Pengurusan Kewangan

Bagi Kumpulan Sri Temenggung, segala urusan kewangan adalah di bawah tanggungjawab pemiliknya sendiri. Setiap pengaliran masuk dan keluar wang diurus dan dikawal oleh Khatijah. Kerja ini telah dilakukan oleh beliau sejak kumpulan tersebut mula ditubuhkan lagi. Walaupun Khatijah bertindak sebagai pengurus kewangan sepenuhnya, ada juga keadaan dimana kadangkala menantunya menolong beliau menguruskan hal-hal kewangan kumpulan. Anaknya Norhayati dan Norashikin adalah di antara orang yang dipercayai oleh beliau untuk menolong menguruskan hal-hal kewangan. Dari segi pengawalan kewangan, beliau bersikap agak luwes dengan anak-anaknya kerana beliau amat mempercayai tindak-tanduk mereka.

Namun demikian, terdapat juga keadaan dimana penyelewengan berlaku kerana terlalu mempercayai dan kurang kawalan daripada Khatijah. Khatijah yang bertindak sebagai pengurus kewangan tidak pernah menyediakan sendiri belanjawan sesebuah persempahan. Kesemua kerja-kerja penyediaan belanjawan dan kertas cadangan disediakan oleh anaknya Norhayati. Walaupun begitu, Khatijah akan bertanya dan dimaklumkan tentang sesuatu belanjawan yang disediakan. Beliau juga akan memberi cadangan serta maklum balas ke atas belanjawan yang disediakan.

Seperti dinyatakan sebelum ini, kumpulan tersebut pernah melakukan sesuatu projek atas nama syarikat lain. Kumpulan tersebut pernah mengalami peristiwa dimana syarikat yang ditumpangi telah bertindak sebagai orang tengah dan membuat untung dari persempahan mereka. Berdasarkan pengalaman tersebut, Mak Jah telah bertindak mendaftar syarikatnya sendiri bagi Kumpulan Sri Temenggung. Memandangkan kumpulan masih baru mendaftarkan syarikat, segala pembayaran dan penerimaan dibuat atas nama Khatijah sendiri.

Kumpulan tersebut juga tidak pernah menyediakan penyata kewangan tahunan. Segala wang hasil sesebuah persempahan akan ditolak segala kos. Sebahagian kecil untungnya akan dimasukkan ke dalam tabung Kumpulan Sri Temenggung dan selebihnya pula digunakan sebagai perbelanjaan peribadi. Penyata-penyauntung rugi dan kunci kira-kira tidak terdapat dalam kumpulan tersebut. Kumpulan tersebut juga tidak pernah melantik mana-mana akauntan atau juru audit bertauliah untuk menyediakan penyata dan laporan kewangannya. Ini kerana kos kepakaran akauntan dan juru audit bertauliah adalah tinggi dan mahal.

Kelihatannya, kaedah pengurusan kewangan kumpulan tersebut masih ditakuk lama dimana pendapatan untuk menyara hidup diperolehi dari hasil persempahan. Ini kerana pada tahun enam puluhan sehingga lapan puluhan, bayaran yang diterima bagi sesebuah persempahan adalah sedikit iaitu sekadar cukup untuk membayar kos-kos dan selebihnya dianggap sebagai pendapatan. Masalah kewangan juga kerap dihadapi oleh kumpulan tersebut. Akibatnya, Khatijah sendiri terpaksa mengeluarkan wang peribadinya terlebih dahulu untuk perbelanjaan sesebuah persempahan. Namun begitu, masalah kewangan ini tidaklah begitu ketara bagi kumpulan tersebut memandangkan penasihatnya dahulu adalah seorang yang berjawatan tinggi di Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Kota Bharu iaitu Timbalan Pengarah yang mampu membantu dari segi kewangan. Penasihatnya yang juga merupakan suami Khatijah rela menggunakan sumber kewangan peribadi demi mengadakan sesebuah persempahan. Kumpulan tersebut juga bernasib baik kerana Khatijah dan penasihatnya mempunyai pengaruh yang kuat dan kenalan yang ramai. Ini telah menyenangkan kumpulan tersebut mendapat tajaan. Sikap mereka yang komited terhadap kumpulan tersebut telah memberi keyakinan kepada pihak penaja terutamanya KKKP menghulurkan bantuan kewangan.

Secara amnya, pengurusan kewangan kumpulan tersebut adalah agak kurang sistematik dan lemah. Kekurangan ini berlaku kerana pengusahanya sendiri tidak mempunyai

pendidikan yang tinggi di tambah pula dengan pendedahan yang amat terhad dalam bidang pengurusan. Begitu juga dengan anak-anak dan kaum keluarga yang menolongnya dalam menguruskan kumpulan tersebut. Faktor kurang pendedahan dalam bidang pengurusan adalah perkara utama yang menyebabkan kelemahan dalam menguruskan sistem kewangan syarikat. Amalan pengurusan kewangan yang mirip kepada kumpulan mak yong tradisi masih dikekalkan dalam kumpulan tersebut. Oleh yang demikian, kaedah pengurusan kewangan yang digunakan masih tidak mantap dan tidak profesional walaupun kumpulan tersebut mempunyai akaun bank yang khusus. Masih banyak usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh kumpulan tersebut bagi memantapkan lagi sistem pengurusan kewangannya. Pengusaha dan penolong-penolongnya perlu mempunyai sikap lebih terbuka untuk mempelajari sesuatu yang baru dan mempraktikkannya di dalam perjalanan harian Kumpulan Sri Temenggung. Dengan cara itu, kumpulan tersebut akan menuju ke arah menjadikannya satu kumpulan yang profesional.

Cucu-cucu Khatijah yang masih muda dan boleh dilentur perlu dilatih dari sekarang untuk menguruskan kumpulan tersebut. Ini kerana kumpulan tersebut masih mengekalkan ciri-ciri kekeluargaan. Sekiranya ciri yang sedemikian hendak dikekalkan, maka Khatijah perlu melibatkan cucu, anak dan manantunya dalam pengurusan kumpulan tersebut mulai dari sekarang. Generasi baru kumpulan tersebut juga harus menerima perubahan dimana mereka harus mengambil ahli-ahli yang terdiri dari orang luar yang lebih berpengalaman dalam bidang pengurusan. Ini juga dapat mengubah kedudukan kumpulan tersebut dari status kumpulan *cottage* (kecil-kecilan dan separuh masa) kepada kumpulan yang lebih profesional.

4.3 Pandangan Umum Terhadap Pengurusan Kumpulan Sri Temenggung

Umumnya, dari segi pengurusan, kumpulan tersebut masih lagi menitik beratkan hubungan kekeluargaan, walaupun sudah terdapat unsur-unsur untuk mengambil pekerja luar bagi tujuan sesebuah persembahan. Ini terbukti apabila setiap anggota pengurusan atasan sesebuah persembahan masih dipegang oleh ahli keluarga manakala penari, pemuzik, pelakon dan kerabat kerja terdiri daripada ahli bukan keluarga. Orang luar yang diambil bertugas untuk sesuatu persembahan adalah terdiri dari mereka yang ada kaitan dengan hal-hal teknikal dan mereka ini terdiri daripada anak didik dan kenalan Khatijah sendiri.

Unsur-unsur pengurusan moden yang lebih profesional telah sedikit sebanyak diamalkan oleh kumpulan tersebut dari sudut pengurusan pemasaran, operasi dan personel. Pertindihan dari segi tugas pengurusan amat ketara dalam kumpulan tersebut dan masalah ini

perlu dikurangkan dengan mewujudkan pengkhususan kerja. Pengaruh dan campur tangan kekeluargaan dalam pelaksanaan sesuatu tugas perlu dielakkan bagi melicinkan perjalanan kerja dan memperolehi hasil kerja yang lebih berkesan.

Kumpulan tersebut juga menghadapi masalah tiada perancangan awal yang sistematik. Walaupun terdapat arah tuju yang tersirat, perjalanan kumpulan tersebut masih seperti dahulu. Kumpulan tersebut seharusnya mewujudkan satu misi dan matlamat baru serta merancang program-program secara khusus, lebih sistematik dan teratur.

Khatijah yang merupakan orang paling penting dalam kumpulan tersebut juga perlu memberi tumpuan kepada jawatannya sebagai pengarah. Kerja-kerja remeh dan sampingan hendaklah diserahkan kepada ahli-ahli lain dalam kumpulan tersebut untuk melakukannya.

Aktiviti pemasaran perlu dijalankan dengan lebih giat dan teratur. Pihak kumpulan sendiri seharusnya memasarkan setiap persembahan dan sikap bergantung sepenuhnya kepada penyelaras harus dikikis. Dalam menguruskan pasarananya, aktiviti promosi sering dilakukan secara ad-hoc dan tergesa-gesa. Perkara ini perlu dirancang dengan teliti dan dilakukan secara lebih teratur dan berterusan. Ketakutan dan kesangsian untuk menggunakan orang tengah dalam penjualan tiket juga perlu diatasi. Kaedah promosi baru melalui internet juga boleh diguna pakai oleh Kumpulan Sri Temenggung.

Secara umumnya, kumpulan tersebut telah berjaya memberi nafas dan label baru kepada produk seni persembahan Melayu iaitu mak yong tanpa menukar struktur aslinya. Perubahan dari segi pakaian, penggunaan elemen-elemen terkini dalam dialog serta penggunaan peralatan pentas oleh kumpulan tersebut, tidak menjaskan mutu persembahan, nilai seni, nilai estetika dan struktur tradisi mak yong itu sendiri. Perubahan-perubahan yang dilakukan oleh kumpulan tersebut telah mengangkat taraf persembahan mak yong secara keseluruhannya daripada pandangan masyarakat umum. Perubahan inilah yang membezakan Kumpulan Sri Temenggung dari kumpulan mak yong tradisi dan kumpulan-kumpulan lain dalam mempersembahkan teater klasik Melayu.

Kelemahan dari segi pengurusan kewangan nampak ketara dalam kumpulan tersebut. Faktor kurang pendedahan kepada cara pengurusan kewangan moden dapat diatasi dengan adanya generasi baru dalam kumpulan tersebut. Walaupun pengurusan Kumpulan Sri Temenggung kelihatannya lebih bersifat kekeluargaan, namun generasi baru dalam ahli keluarga Khatijah tidak dididik dan dilatih oleh beliau dari segi pengurusan organisasi.

Perkara tersebut berlaku kerana beliau tidak menaruh kepercayaan penuh kepada ahli keluarganya untuk menguruskan kumpulan tersebut. Apa yang berlaku ialah ahli keluarga hanya memberi pertolongan. Keadaan melepaskan tangan dan menyerahkan kepada ahli keluarganya untuk menguruskan seratus peratus sesuatu persembahan tidak pernah diamalkan oleh Khatijah. Pengkaji mendapati isu latihan pengurusan kepada pewaris kumpulan tersebut adalah penting didalam memastikan kesinambungan kewujudan kumpulan tersebut disamping meningkatkan profesionalismenya pada masa hadapan. Daripada pemerhatian pengkaji, selepas pemergian Khatijah ke rahmatullah, ahli keluarga kumpulan telah berpecah. Setakat bulan Oktober 2001, tiada satu persembahan pun dipentaskan oleh kumpulan tersebut.

5.0 Kesimpulan

Khatijah Awang dan Seri Temenggong adalah sinonim dan tidak dapat dipisahkan sehingga beliau menghembuskan nafas yang terakhir. Keinginan beliau untuk melihat Seri Temenggong terus hidup bagi memartabatkan warisan Makyong terbukti kekal dengan ramai anak didiknya yang terus bergiat melestarikan senit itu. Anaknya sendiri, hanya Norhayati seorang sahaja yang masih bertungkus lumus melalui Universiti Malaysia Kelantan untuk memperjuangkan kelestarian Makyong dikalangan pelajar dan staf universiti. Penglibatan beliau sebagai usahawan seni (setelah kepekaan beliau terhadap industri seni tradisional tanahair) dengan menawarkan Makyong sebagai satu produk utama syarikatnya adalah satu langkah yang telah menolak Makyong jauh kehadapan. Ciri keusahawanan yang ada pada Khatijah Awang sukar ditandingi dan akan disanjung serta dikenang dalam lipatan sejarah Makyong tanahair serta perlu di contohi oleh penggiat seni dalam mengharungi dunia seni yang penuh onak dan duri.

Anak didiknya seperti Juhara Ayob, Zizie Zulkifli dan pengkaji sendiri tidak pernah jemu-jemu meneruskan usaha melebarkan wadah seni Makyong agar pembangunannya lebih mantap sehingga mencapai taraf yang lebih tinggi. Sepadan dengan Anugerah Seniman Negara yang dikurniakan oleh kerajaan, nama beliau tetap kekal dihati pencinta Makyong tanahair dan pastinya kelestarian Makyong akan terus menempa nama dipersada dunia.

Bibliografi

Buku

- Adnan Alias (1992), Konsep Keusahawanan, Asas Keusahawanan, Shah Alam: Biroteks.
- Adnan Alias (1997). Usahawan dan keusahawanan, Keusahawanan, Shah Alam: Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)
- Baumol, W. J. & Bowen, W. G. (1968). Performing Arts, The Economic Dilemma: A Study Of Problem Common To Theatre, Opera, Music And Dance; Cambridge: MIT Press.
- Blaug, M. (1976). The Economics of The Arts; Bath: The Pitman Press.
- Brandon, J. R. (1971), The Performing Arts In Asia; Paris: United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization.
- Brandon, J. R.(1974), Theatre In South East Asia; Cambridge Massachusett: Harvard University Press.
- Cochran, T. G (1965). The Entrepreneurs In Economic Changes, Exploration In Entrepreneurial History; New York: AMACOM
- Edi Sedyawati, (1981). Pertumbuhan Seni Pertunjukan; Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- Elizabeth, S. (1969). Theatre Administration; London: Sir Isaac Pitman & Son . Ltd.
- Evans, J. R., & Berman, B. (1992). Marketing, Fifth edition; New York: Macmillan Publishing Company.
- Cohn, T & Lindberg, R.A (1974). Survival And Growth: Management Strategies For The Small Firm; New York: AMACOM
- Courtney, R. (1991). Lakon Drama dan Pemikiran (terjemahan Rahmah Bujang); Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heilbrun, J. & Gray, C. M. (1993), The Economic Of Art And Culture, An American Perspective; New York: Cambridge University Press.
- Kotler, P. (1980). Principles Of Marketing; New Jersey, Prentice-Hall Inc.
- Kotler, P. & Armstrong, G. (1999). Principles Of Marketing, Eighth Edition; New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Kreitner, R. (1983), Management; Second Edition; Boston: Houghton Mifflin Company.
- Margret Alisjahbana (1978). Art And The Future, Collected Papers Of The First International Conference On The Future Of Arts In Indonesia; 8-15 July 1978, Jakarta: PT Dian Rakyat. (S.C Seth dan Padma Seth)
- Mohd Zaki Ayob & Farok Zakaria (1992). Aspek Pengurusan, Asas Keusahawanan; Shah Alam: Biroteks, ITM.
- Mubin, S. (1974). Cerita-Cerita Mak Yong; Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Mubin, S. (1983). Taman Saujana, Dance, Drama, Music And Magic In Malay, Long And Not So Long Ago; Petaling Jaya: International Book Services.
- Rahmah Bujang (1994). Drama Melayu: Dari Skrip Ke Pentas; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Schechner, R. (1969). Public Domain, Essays On The Theatre; Indianapolis: The Bobbs Merill Company.
- Siti Zainon Ismail (1985), Getaran Jalur Dan Warna; Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Solehah Ishak (1990). Pengalaman Menonton Teater; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Stephen, P. R. & Taubman, J. (1973). Performing Arts Management And Law; New York: Law Arts Publisher.
- Storey (1994). Understanding the Small Business Sector; London: Routledge.
- Strang, W. A (1972). Minority In Economic Development: The Problem Of Business Failure In Community Economic Development, Edited By John C. Weistora; New York: Oceana Publication.

- Vernon, A. M. & John, J. H. (1984). Introduction To Modern Business, Ninth Edition; New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, (1994). Masyarakat Dan Budaya Melayu Dalam Perubahan; Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Yoety, O. A. (1985). Komersialisasi Seni Budaya Dalam Pariwisata; Bandung: Penerbit Angkasa.

Surat Khabar

- Azizi Abdullah (17 Mac 1985). Tarian Tradisional Kita Bercanggah Dengan Nilai Agama, Berita Minggu.
- Budaya Kelantan Lumpuh.(19.April.1994). Utusan Malaysia.
- Dalam Kenangan (31 Disember 2000). Berita Minggu.
- Hear This Sad Story Of Dying Tradition (September 1984). The New Straits Times.
- Industri Pelancongan Boleh Menambah Pendapatan Negara (16.Ogos 1998). Utusan Malaysia, Muka 28
- Juhara Jadi Pensyarah Sambilan (23.Okttober.2000). Harian Metro, Muka Surat 2.
- Kehilangan Khatijah Sukar Diganti (14.September.2000). Harian Metro.
- Khatijah Awang Cocok Dengan Gelarannya (20.November 1988). Mingguan Famili.
- Khatijah Awang Tokoh Seni Terbilang (16.Okttober.1994). Mingguan Watan.
- Khatijah Awang, Mak Yong Doyenne Honored (9.November.1999). The New Straits Times, Muka Surat 3.
- Khatijah The Dancer Gets A New Role In TV (31.December.1972). The Sunday Mail.
- Mak Yong Dihidupkan Kembali (8 Mei 1997). Utusan Malaysia, Muka Surat 45
- Mak Yong Hebat Di Singapura (21 Disember 1995). Utusan Malaysia
- Mak Yong Menemui Nafas Di ASK (12 April 2000). Utusan Malaysia, Muka Surat 6.
- Mak Yong Legend Khatijah Awang Dies Of Cancer (14.September.2000). The New Straits Times, Muka Surat 7.
- Mak Yong Perlu Kekal Sebagai Budaya Negara (8 Februari 1991). Utusan Malaysia.
- Mak Yong Terus Diminati (13.Disember 1998). Utusan Malaysia, Muka Surat 28
- Mak Yong Warisan Seni Tradisi Terserlah (17 Jun 2000). Utusan Malaysia, Muka Surat 1.
- Merina, H. (1999), It'll Make A Tourist Out Of You Yet. The New Straits Times.
- Mesmerising Mak Yong (7 Ogos.2000). The New Straits Times.
- Perginya Primadona Mak Yong (14 September 2000). Utusan Malaysia, Muka Surat 7
- Pesan Terakhir Khatijah Awang (14 September.2000). Harian Metro.
- Sri Temenggong Juara Pesta Teater Kelantan (1994). Utusan Malaysia.
- Struggle To Revive Mak Yong (30.November.1994). Singapore: The Straits Times.
- Surat 28
- Tarian Mak Yong: Tarian Diraja Yang Dinikmati Rakyat Sekarang (25 Jun 1984). Harian Nasional.
- The Mak Yong Comes To KL (17.Mac.1975). The Malay Mail.
- The Village Show Must Go On (28.July1995). Singapore City Weekly.
- Tokoh Mak Yong Meninggal (14. September 2000). Berita Harian, Muka Surat 6.
- Unsur-Unsur Muzik, Lagu Dalam Mak Yong (21 Februari1999). Utusan Malaysia, Brosur Mak Yong Raja Bongsu Sakti. Arahan Khatijah Awang, 11-13 Disember 1998, Anjuran Kumpulan Budaya Sri Temenggung Dan Panggung Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Muka Surat 24.

Brosur

- Brosur Puan Khatijah Awang. Penerima Anugerah Seni Negara 1999, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
- Brosur Kejujuran (Mak Yong). Arahan Khatijah Awang, 5-6 Julai 1997, Anjuran Kumpulan Sri Temenggung Dengan Kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Malaysia.

Brosur Mak Yong Raja Tangkai Hati. Arahan Khatijah Awang, 2-3 April 1999, Anjuran Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan
Brosur Mak Yong Anak Raja Gondang 2, Arahan khatijah Awang, 28 Mac – 29 Mac 1998, Anjuran Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan

Nota Akhir

- 1 Bah besar merah merupakan nama yang diberikan oleh rakyat Kelantan kepada banjir besar yang berlaku sebelum tahun 1926. Air bah itu terlalu keroh sehingga warnanya menjadi merah.
- 2 Khatijah Awang telah pulang ke rahmatullah pada hari Rabu, 20 September 2000 di Hospital Kuala Lumpur akibat barah payu dara. Beliau menderita sakit tersebut selama tujuh tahun. Namun begitu, perjuangan beliau dalam seni mak yong diteruskan sehingga ke akhir hayat. Kini, anak dan cucunya mewarisi kumpulan tersebut. Pengkaji telah dimaklumkan oleh beliau sendiri tentang penyakitnya semasa temuduga pada tahun 1996.
- 3 Hamzah Awang Hamat telah pulang ke Rahmatullah pada awal tahun 2001 di Tumpat, Kelantan kerana sakit jantung.
- 4 UMNO adalah satu parti politik di Malaysia yang menerajui pucuk kepimpinan negara. UMNO juga adalah merupakan salah satu parti utama dalam Barisan Nasional.
- 5 Ad-hoc merujuk kepada tugas yang dilakukan secara tergesa-gesa, tiba-tiba tanpa perancangan yang teratur dan sistematik.
- 6 “Sense of belonging” adalah satu perasaan sayang yang wujud dalam diri seseorang secara semulajadi. Seseorang itu akan merasakan sesuatu perkara atau organisasi itu adalah hak miliknya sendiri dan berusaha sedaya upaya untuk menjayakannya.
- 7 Pemiat ialah sejenis pemukul yang diperbuat daripada rotan atau buluh. Ia terdiri daripada beberapa batang rotan atau buluh kecil yang diasah dan diikat kemas menjadi seberkas pemukul. Apabila ia digunakan untuk memukul, ia mengeluarkan bunyi seperti hentakan lidi. Kebiasaannya, pelakun yang memegang watak raja atau pak yong akan memegang pemiat ini sepanjang persembahan untuk memukul peran atau pengasuh yang melakukan kesilapan semasa bertutur atau bersikap kurang sopan.
- 8 “La” ialah sejenis aksesori yang dipakai oleh penari dan pak yong. Ia dipakai di leher dan terjurai ke dada. Tujuan pemakaianya ialah untuk menutup dada dan menambahkan seri pemain. Ia diperbuat daripada manik yang diungkai satu persatu.

